

Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu Surah al-Baqarah (2: 67-74)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Siri 13. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-81-2.

Abstract

Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu, Surah al-Baqarah (2: 67-74), Siri 13 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Tipu muslihat dan kedegilan kaum Bani Israil ditunjukkan oleh Allah SWT dalam peristiwa perintah-Nya untuk menyembelih seekor lembu betina bagi mencari pembunuh sebenar dalam satu kes pembunuhan. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah (2: 67-74)* daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat pengajaran penting daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu 11 pengajaran daripada peristiwa perintah penyembelihan lembu, pengajaran tentang kekuasaan Allah SWT untuk menghidupkan dan mematikan, jenis manusia, dan sifat alam selain daripada manusia adalah sentiasa beribadah dan tunduk khususnya kepada Allah SWT.

References

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Asbahani, Ahmad Muhammad. 2004. *Al-Tuyuriyyat*. Dasman Yahya Ma'ali & 'Abbas Sakhr al-Hasan (Ed.). Jld. 1-4. Riyad: Maktabah Adwa' al-Salaf.

- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, 'Abdullah. 2000. *Sunan al-Darimi*. Hussain Salim Asad Al-Darani (Ed.). Jld. 1-4. Al-Mamlakat al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Arabiy, Ahmad. 1997. *Mu'jam Ibn 'Arabiy*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim bin Ahmad al-Hussayn (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar Ibn al-Jawzy.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 17 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 1 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Jld. 13. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)*. Jld. 12. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 13
Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu
Surah al-Baqarah (2: 67-74)**

Kamarul Azmi Jasmi

**SIRI BUKU TAFSIR
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 13
Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu
Surah *al-Baqarah* (2: 67-74)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Julai 2021
©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

BANI ISRAIL DAN PERISTIWA SEMBELIHAN LEMBU : SURAH *AL-BAQARAH* (2:67-74) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 13)

ISBN 978-967-2171-81-2

1. Qur'an. Surat *al-Baqarah*-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI
Fakulti Tamadun Islam
UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,
81310 UTM Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

KANDUNGAN

Prakata	v
Pengenalan	1
Tafsiran Ayat	4
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 67)	4
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 68-71)	17
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 72-73)	30
Surah <i>al-Baqarah</i> (2: 74)	41
Pengajaran Ayat	61
Pengajaran dalam Peristiwa Penyembelihan Lembu	61
Mukjizat Orang yang Mati Boleh Hidup Kembali	61
Mukjizat al-Quran	61
Perintah Allah SWT adalah Mutlak Sekalipun Tidak Logik Pada Akal Manusia	62
Mengelakkan Bersikap Keras Kepala dan Degil Ketika Era Penurunan Wahyu	62
Asal Usul Hukum Tentang Pembunuh Tidak Boleh Mewarisi Harta	63
Tipu Helah Kaum Bani Israil yang Wajar Diambil Pengajaran Buat Umat Manusia	63
Setiap Kebaikan dan Keburukan Akan Disingkap	63
Kepentingan Kalimah Insyallah dalam Segala Urusan	64
Kepentingan Berbakti kepada Ibu Bapa	64
Galakan Memakai Kasut Kulit Asli Berwarna Kuning	64
Hukum Tentang Menggambarkan Sesuatu dan Hukum Pembuktian dalam Qisas	64

Pengajaran Tentang Kekuasaan Allah SWT untuk Menghidupkan dan Mematikan	65
Jenis Manusia	67
Sifat Alam Selain daripada Manusia Adalah Sentiasa Beribadah dan Tunduk Khusyuk kepada Allah SWT	70
Rumusan	72
Rujukan	73
Indeks	75
Biodata	77

PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulallah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan memfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang memfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian

tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia
2018

PENGENALAN

Selepas Allah SWT membincangkan bahana yang menimpa kepada kaum Bani Israil yang melanggar larangan Allah SWT sehingga mereka disumpah menjadi kera dan babi (Al-Sabuni, 1981; Jamsi, 2019b, 2021b), sekali lagi Allah SWT menyambung tentang kisah kedegilan kaum ini dalam peristiwa sembelihan lembu (Al-Sabuni, 1981; Jamsi, 2019a, 2021a). Firman-Nya:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ ۖ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَذْبَحُوا بَقْرَةً ۖ
قَالُوا أَتَتَّخِذُنَا هُزُؤًا قَالُوا قَدْ أَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ الْجَاهِلِينَ
قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ ۚ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا
بَقْرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بَكْرٌ عَوَانُ بَيْنَ ذَلِكَ ۖ فَافْعَلُوا مَا
تُؤْمَرُونَ ﴿٦٨﴾ قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْهَا قَالَ إِنَّهُ
يَقُولُ إِنَّهَا بَقْرَةٌ صَفْرَاءُ فَاقْعُ لَوْهَا تَسُرُّ النَّظِيرِينَ ﴿٦٩﴾
قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ ۚ إِنَّ الْبَقْرَ تَشْبَهُ عَلَيْنَا وَإِنَّا إِن
شَاءَ اللَّهُ لَمُهْتَدُونَ ﴿٧٠﴾ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقْرَةٌ لَا ذَلُولٌ تُثِيرُ
الْأَرْضَ وَلَا تَسْقِي الْحَرْثَ مُسَلَّمَةٌ لَا شِيَةَ فِيهَا قَالُوا آلَيْنَ

جِئْتِ بِالْحَقِّ فَذَبْحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧١﴾ وَإِذْ قَاتَلْتُمُ
 نَفْسًا فَادَّارَأْتُمْ فِيهَا وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٧٢﴾ فَقُلْنَا
 أَضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا كَذَلِكَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَى وَيُرِيكُمْ آيَاتِهِ
 لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٣﴾ ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ
 كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً وَإِنَّ مِنَ الْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ
 أَلْأَنْهَارُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَشَّقُّ فَيَخْرُجُ مِنْهُ الْمَاءُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا
 يَهْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَمَا اللَّهُ بِغَافِلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٧٤﴾

Maksud: Dan (ingatlah), ketika Nabi Musa AS berkata kepada kaumnya, “Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina.” Mereka berkata, “Adakah engkau hendak menjadikan kami ini permainan?” Nabi Musa AS menjawab, “Aku berlindung kepada Allah daripada menjadi salah seorang dari golongan yang jahil (yang melakukan sesuatu yang tidak patut).” (67) Mereka berkata pula, “Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkan-Nya kepada kami bagaimana (sifat) lembu itu?” Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya.” (68) Mereka berkata lagi, “Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkan-Nya kepada kami apa warnanya?” Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman, “Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu kuning, kuning tua warnanya, lagi menyukakan orang yang melihatnya.” (69) Mereka berkata lagi, “Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk

kami, supaya diterangkanNya kepada kami lembu betina yang mana satu? Kerana sesungguhnya lembu yang dikehendaki itu kesamaran kepada kami (susah kami memilihnya), dan kami insya Allah akan mendapat petunjuk (untuk mencari dan menyembelih lembu itu).” (70) Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman, “Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menyiram tanaman; ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya.” Mereka berkata, “Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifatnya yang sebenar.” Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan (perintah Allah) itu. (71) Dan (ingatlah), ketika kamu membunuh seorang manusia, kemudian kamu tuduh-menyuduh sesama sendiri tentang pembunuhan itu, padahal Allah tetap melahirkan apa yang kamu sembunyikan. (72) Maka Kami (Allah) berfirman, “Pukulah si mati dengan sebahagian anggota lembu yang kamu sembelih itu” (Mereka pun memukulnya dan ia kembali hidup). Demikianlah Allah menghidupkan orang yang mati, dan memperlihatkan kepada kamu tanda kekuasaan-Nya, supaya kamu memahaminya. (73) Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya; dan ada pula antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya; dan ada juga antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah; sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan. (74)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 67-74)

Empat potong ayat yang dibincangkan dalam buku adalah terdiri daripada surah *al-Baqarah* (2: 67), surah *al-Baqarah* (2: 68-71), surah *al-Baqarah* (2: 72-73), dan surah *al-Baqarah* (2: 74). Pada bahagian akhir buku akan dibincangkan tiga pengajaran ayat yang boleh diambil hasil daripada perbincangan tafsiran ayat.

TAFSIRAN AYAT

Tafsiran ayat dalam bab ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu surah *al-Baqarah* (2: 67); surah *al-Baqarah* (2: 68-71); surah *al-Baqarah* (2: 72-73), dan Surah *al-Baqarah* (2: 74).

SURAH AL-BAQARAH (2: 67)

Allah SWT memulakan kisah yang dengan menyatakan perintah menyembelih lembu yang ditunjukkan oleh Allah SWT melalui lidah Nabi Musa AS sebagaimana yang diceritakan dalam firman-Nya:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَذْبَحُوا بَقَرَةً
 قَالُوا أَتَتَّخِذُنَا هُزُؤًا ۗ قَالَ أَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ
 الْجَاهِلِينَ ﴿٦٧﴾

Maksud: *Dan (ingatlah), ketika Nabi Musa AS berkata kepada kaumnya, "Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina." Mereka berkata, "Adakah engkau hendak menjadikan kami ini permainan?" Nabi Musa AS menjawab, "Aku berlindung kepada Allah daripada menjadi salah seorang dari golongan yang jahil (yang melakukan sesuatu yang tidak patut)." (67)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 67)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/293) menjelaskan bahawa Allah SWT berfirman melalui ayat ini, "Ingatlah kamu, hai kaum Bani Israil,

akan nikmat-Ku yang Aku limpahkan kepadamu dalam hal yang menyangkut perkara yang berlainan dengan hukum alam bagi kamu,” iaitu mengenai seekor lembu betina dan keterangan mengenai si pembunuhnya dengan melalui lembu betina itu, kemudian Allah SWT menghidupkan si terbunuh, lalu si terbunuh menyatakan siapa pelaku yang membunuh dirinya dalam kalangan mereka.

Imam Ibn Abi Hatim (1998: 690) meriwayatkan, Ubaidah al-Salmani yang menceritakan hadis berikut, iaitu:

كَانَ رَجُلٌ فِي بَنِي إِسْرَائِيلَ عَقِيمٌ لَا يُوَلِّدُ لَهُ، وَكَانَ لَهُ مَالٌ كَثِيرٌ،
 وَكَانَ ابْنُ أَخِيهِ وَارِثُهُ، فَقَتَلَهُ ثُمَّ احْتَمَلَهُ لَيْلًا فَوَضَعَهُ عَلَى
 بَابِ رَجُلٍ مِنْهُمْ، ثُمَّ أَصْبَحَ يَدَّعِيهِ عَلَيْهِمْ، حَتَّى تَسَلَّحُوا
 وَرَكِبَ بَعْضُهُمْ إِلَى بَعْضٍ، فَقَالَ ذُو الرَّأْيِ وَالتَّهْيِي: عَلَامَ
 يَقْتُلُ بَعْضُكُمْ بَعْضًا، وَهَذَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ فِيكُمْ؟ فَاتُوا
 مُوسَى فَذَكَرُوا ذَلِكَ لَهُ فَقَالَ: إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَذْبَحُوا
 بَقْرَةَ فَقَالُوا: أَتَتَّخِذُنَا هُزُورًا؟ قَالَ أَعُوذُ بِاللَّهِ أَنْ أَكُونَ مِنَ
 الْجَاهِلِينَ. قَالَ: فَلَوْلَمْ يَعْتَرِضُوا الْبَقْرَةَ، لَأَجَزْتَ عَنْهُمْ أَدْنَى
 بَقْرَةَ، وَلَكِنَّهُمْ شَدَّدُوا فَشَدَّدَ عَلَيْهِمْ حَتَّى انْتَهَوْا إِلَى الْبَقْرَةِ
 الَّتِي أُمِرُوا بِذَبْحِهَا فَوَجَدُوهَا عِنْدَ رَجُلٍ لَيْسَ لَهُ بَقْرَةٌ
 غَيْرُهَا. فَقَالَ: وَاللَّهِ لَا أَنْقِصُهَا مِنْ مِْلٍ جِلْدِهَا ذَهَبًا.
 فَأَخَذُوهَا بِمِْلٍ جِلْدِهَا ذَهَبًا فَذَبَحُوهَا فَضَرَبُوهُ بِبَعْضِهَا فَقَامَ،

فَقَالُوا: مَنْ قَتَلَكَ؟ فَقَالَ: هَذَا. لَا بِنِ أَخِيهِ، ثُمَّ مَالَ مَيْتًا، فَلَمْ يُعْطَ مِنْ مَالِهِ شَيْءٌ، وَلَمْ يُورَثْ قَاتِلٌ بَعْدُ."

Maksud: Ada seorang lelaki dalam kalangan kaum Bani Israil yang mandul, tidak mempunyai anak, sedangkan dia mempunyai harta benda yang banyak. Orang yang mewarisinya hanyalah anak lelaki dari saudara lelakinya. Pada suatu malam anak saudaranya itu membunuhnya dan meletakkan mayatnya di depan pintu rumah salah seorang dalam kalangan mereka. Di pagi harinya si pembunuh menuduh mereka, hingga masing-masing pihak menghunus senjata mereka dan sebahagian dari mereka berperang dengan sebahagian yang lain. Kemudian orang yang bijak dan berkuasa dalam kalangan mereka berkata, "Mengapa kamu saling membunuh antara sesama kamu, sedangkan utusan Allah SWT berada bersama kamu?" Akhirnya mereka datang menghadap Nabi Musa AS, lalu menceritakan peristiwa tersebut. Maka Nabi Musa AS berkata, seperti yang dipetik oleh firman-Nya; Dan (ingatlah), ketika Nabi Musa berkata kepada kaumnya, "Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina." Mereka berkata, "Adakah engkau hendak menjadikan kami ini permainan?" Nabi Musa menjawab, "Aku berlindung kepada Allah daripada menjadi salah seorang dari golongan yang jahil (yang melakukan sesuatu yang tidak patut)." (Surah al-Baqarah, 2: 67). Perawi menyatakan, seandainya mereka tidak menyangkal, nescaya lembu apa pun yang mudah didapat sudah cukup bagi mereka. Tetapi mereka keras kepala, akhirnya mereka diperberat. Sesudah mereka mendapatkan lembu betina yang diperintahkan agar mereka menyembelihnya, ternyata lembu betina itu adalah milik seorang lelaki yang tidak punya lembu lain kecuali satu-satunya yang mereka harapkan itu. Akhirnya si pemilik lembu berkata, "Demi Allah, sebagai tukarannya aku tidak mahu kurang dari sejumlah emas yang memenuhi kulitnya." Maka mereka terpaksa mengambil lembu betina tersebut dengan memberikan tukaran berupa emas sepenuh kulitnya. Mereka menyembelih lembu tersebut, lalu memukulkan sebahagian dari anggota

badannya ke tubuh mayat yang dimaksudkan. Akhirnya si mayat dapat hidup. Mereka bertanya, "Siapakah yang membunuhmu?" Ia menjawab, "Orang ini" seraya mengisyaratkan kepada anak saudaranya. Lalu ia tumbang kembali dan mati. Si pembunuh tidak diberi sedikit harta pun dari peninggalan si mayat. Begitu juga sesudah peristiwa ini, maka setiap pembunuh tidak akan dapat mewarisi harta orang yang dibunuhnya.

(Ibn Abi Hatim)

Imam Ibn Jarir (2001: 1172) meriwayatkan hadis yang sama seperti ini melalui 'Ubaidah. Sedangkan Abu al-'Aliyah ketika menghuraikan mengenai firman Allah SWT yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina." (Surah *al-Baqarah*, 2: 67). Tersebutlah bahawa ada seorang lelaki dalam kalangan Bani Israil, dia orang kaya dan tidak mempunyai seorang anak pun. Sedangkan yang mewarisi hartanya hanya salah seorang kerabatnya. Kemudian si kerabat itu membunuhnya agar dia memperoleh harta warisannya dengan lebih cepat. Lalu mayatnya dicampakkan di persimpangan jalan. Si pembunuh datang kepada Nabi Musa AS dan berkata, "Sesungguhnya kerabatku terbunuh, hal ini merupakan suatu peristiwa yang sangat merungsingkanku kerana aku tidak menjumpai seorang pun selainmu yang dapat menjelaskan kepadaku siapa pembunuhnya, wahai Nabi Allah?" Maka Nabi Musa AS menyeru kepada semua orang, "Aku minta demi Allah sesiapa yang mengetahui peristiwa ini, hendaknya dia memaklukkannya kepada kami." Ternyata tiada seorang pun dari mereka yang mengetahuinya.

Lalu si pembunuh datang kepada Nabi Musa AS dan berkata, "Engkau adalah Nabi Allah, maka pohonkanlah kepada Allah SWT buat kami agar Dia menjelaskannya kepada kami." Nabi Musa AS memohon kepada Tuhannya, lalu Allah SWT berfirman agar menyembelih seekor lembu betina. Mereka berkata, "Adakah engkau hendak menjadikan kami ini permainan?" Nabi Musa AS menjawab, "Aku berlindung kepada Allah daripada menjadi salah seorang dari golongan yang jahil

(yang melakukan sesuatu yang tidak patut).” (Surah *al-Baqarah*, 2: 67). Mereka berkata pula, “Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkan kepada kami bagaimana sifat lembu itu?” Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa lembu betina itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan umurnya iaitu lembu betina tersebut tidak terlalu tua, tidak pula terlalu muda, melainkan pertengahan antara kedua-duanya.

Mereka berkata lagi, “Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkan-Nya kepada kami apa warnanya?” Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu kuning, kuning tua warnanya, lagi menyukakan orang yang melihatnya.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 69) lembu betina tersebut berwarna kuning mulus lagi menjadikan orang memandangnya berasa takjub.

Mereka berkata lagi, “Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkan-Nya kepada kami lembu betina yang mana satu? Hal ini kerana sesungguhnya lembu yang dikehendaki itu kesamaran kepada kami (susah kami memilihnya), dan kami insya Allah akan mendapat petunjuk (untuk mencari dan menyembelih lembu itu).” (70) (Surah *al-Baqarah*, 2: 70-71) Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman: Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menyiram tanaman; ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya.” Mereka berkata, “Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifatnya yang sebenar.” Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan (perintah Allah) itu. (71) (Surah *al-Baqarah*, 2: 71)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/295) memetik kata-kata seorang perawi yang menyatakan bahawa seandainya kaum itu pada ketika menerima perintah untuk menyembelih lembu betina, mereka terus membawa seekor lembu betina yang mana pun, maka hal itu sudah

cukupi, tetapi mereka sendiri yang memperberatkan diri mereka sendiri, maka Allah SWT benar-benar memperberatkan untuk mereka. Seandainya sahaja kaum itu tidak mengucapkan kata *istisna* seperti yang disebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَأِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ لَمُهْتَدُونَ ﴿٧٠﴾

Maksud: *Dan kami insya Allah akan mendapat petunjuk (untuk mencari dan menyembelih lembu itu).*” (70)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 70)

Nescaya mereka tidak akan beroleh petunjuk untuk mendapatkan lembu betina tersebut untuk selama-lamanya.”

Menurut riwayat, mereka tidak menemukan lembu betina yang spesifikasinya disebutkan kepada mereka kecuali hanya lembu yang ada pada seorang wanita tua yang memelihara banyak anak yatim. Nenek itulah yang mengurus mereka. Tatkala nenek itu mengetahui bahawa tiada yang dapat membersihkan mereka daripada tuduhan bunuh kecuali hanya dengan lembu miliknya, maka ia melipatgandakan harganya untuk dijual kepada mereka. Lalu mereka menghadap Nabi Musa AS dan menceritakan kepadanya bahawa mereka tidak menemukan lembu berciri khas seperti itu kecuali pada seorang wanita dan wanita itu meminta harga pembelian yang berlipat ganda dari biasa.

Nabi Musa AS berkata, “Sesungguhnya Allah SWT memberikan keringanan kepada kamu, tetapi kamu memperberat diri kamu sendiri. Maka berikanlah kepada si nenek itu apa yang disukainya dan apa yang ditetapkannya.” Lalu mereka melakukannya, membeli lembu betina itu dan menyembelihnya. Kemudian Nabi Musa AS memerintahkan mereka agar memotong salah satu dari tulang lembu betina itu untuk dipukulkan kepada jenazah tersebut. Mereka melakukan apa yang diperintahkan oleh Nabi Musa AS, dan ternyata jenazah tersebut dapat hidup kembali,

lalu menyatakan kepada mereka nama orang yang membunuhnya. Sesudah itu ia mati kembali seperti semula. Maka Nabi Musa AS menangkap si pembunuh yang ternyata adalah orang yang pernah datang dan mengadu kepadanya sendiri. Akhirnya, si pembunuh tersebut dihukum mati sebagai pembalasan dari perbuatan jahatnya itu.

Imam Ibn Jarir (2001: 1172) meriwayatkan bahawa Ibn 'Abbas pernah berkata tentang ayat yang menceritakan perihal lembu betina ini. Disebutkan bahawa ada seorang lelaki yang lanjut usia dalam kalangan kaum Bani Israil pada zaman Nabi Musa AS. Lelaki tua tersebut mempunyai harta yang banyak, sedangkan anak-anak saudara lelakinya miskin, tidak berharta. Lelaki tua itu tidak mempunyai anak dan ahli warisnya adalah anak-anak saudara lelakinya sendiri. Anak-anak saudaranya berkata, "Aduhai, seandainya bapa saudara kita mati, nescaya kita akan mewarisi hartanya." Namun sesudah masa berlalu sangat lama, sedangkan bapa saudara mereka tidak juga mati, lalu datanglah syaitan dan menyatakan kepada mereka, "Mengapa tidak kamu bunuh sahaja bapa saudara kamu, nescaya kamu akan segera mewarisi hartanya dan kamu mengenakan diatnya kepada penduduk kota yang kamu tidak ada dalamnya." Demikian itu kerana ada dua kota di sekitar daerah tersebut, dan mereka berada di salah satu daripada kedua-duanya. Sedangkan hukum yang berlaku dalam kalangan mereka ialah apabila ada seseorang yang terbunuh, lalu mayatnya tergeletak antara kedua kota, maka dilakukan pengukuran jarak antara si mayat dan dua kota tersebut. Kota mana pun antara keduanya yang jaraknya lebih dekat kepada si mayat, maka penduduk kota tersebutlah yang harus menanggung diatnya.

Ketika syaitan memujuk mereka untuk melakukan hal tersebut, syaitan juga mengingatkan bapa saudara mereka tidak juga mati walau sudah berlaku dalam waktu yang cukup lama. Mereka akhirnya termakan pujukan. Maka dengan sengaja mereka membunuh bapa saudaranya, sesudah itu mereka lemparkan mayatnya di depan pintu gerbang kota yang mereka bukan berasal dari kota tersebut. Pada keesokan harinya penduduk kota tersebut didatangi anak-anak saudara lelaki

tua tersebut, lalu mereka berkata, “Bapa saudara kami terbunuh di depan pintu gerbang kota kamu. Demi Allah, kamu harus membayar diat kematian bapa saudara kami kepada kami.” Penduduk kota menjawab, “Kami bersumpah dengan nama Allah, kami tidak membunuhnya dan kami tidak mengetahui siapa pembunuhnya. Kami belum pernah membuka pintu gerbang kota kami sejak kami menutupnya hingga pagi hari.”

Mereka datang kepada Nabi Musa AS lalu berkata, “Bapa saudara kami ini kami temuinya dalam keadaan terbunuh di hadapan pintu kota mereka.” Penduduk kota tersebut menjawab, “Kami bersumpah kepada Allah, kami tidak membunuhnya dan kami tidak pernah membuka pintu gerbang kota kami bila kami tutup hingga pagi hari.”

Kemudian datanglah Malaikat Jibril AS membawa perintah dari Allah SWT Yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui kepada Nabi Musa AS. Nabi Musa AS berkata kepada mereka, “Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 67) Kemudian kamu pukul mayat itu dengan salah satu anggota badan lembu betina yang disembelih itu.

Al-Suddi meriwayatkan sehubungan dengan firman-Nya: Dan (ingatlah) ketika Musa AS berkata kepada kaumnya, “Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 67) .Tersebutlah bahawa ada seorang lelaki dalam kalangan Bani Israil yang memiliki banyak harta dan seorang anak perempuan serta seorang anak saudara lelaki yang miskin. Lalu si anak saudara melamar anak perempuannya, tetapi lelaki itu menolak dan tidak mahu mengkahwinkan anak perempuannya dengan anak saudaranya itu. Akhirnya si anak saudara yang masih muda itu marah dan menyatakan, “Demi Allah, aku benar-benar akan membunuh bapa saudaraku, merampas hartanya, mengawini anak perempuannya, dan memakan diat pembunuhannya.”

Si pemuda datang kepada bapa saudaranya ketika ada berita tentang kedatangan para pedagang di salah satu suku Bani Israil, lalu si pemuda menyatakan kepada bapa saudaranya, “Hai bapa saudara, berangkatlah

bersamaku dan tolong ambulkan buatku sebahagian dari harta dagangan kaum tersebut, barangkali aku dapat memperoleh keuntungan darinya.

Sesungguhnya jika mereka melihat engkau bersamaku, nescaya mereka mahu memberikannya kepadaku.” Si bapa saudara berangkat bersama anak saudaranya di malam hari. Ketika si bapa saudaranya sampai di tempat kabilah yang dituju, maka si anak saudara itu membunuhnya, lalu si anak saudara kembali kepada keluarganya.

Pada keesokan harinya si anak saudara tersebut datang seakan-akan sedang mencari bapa saudaranya, ia berpura-pura tidak mengetahui di mana bapa saudaranya berada dan berlakun seakan-akan ia tidak menemukannya. Lalu ia berangkat menuju ke tempat bapa saudaranya terbunuh, ternyata ia menjumpai kabilah tersebut sedang mengerumuni mayat bapa saudaranya itu. Lalu ia mengambil mayat bapa saudaranya seraya berkata, “Kamu membunuh bapa saudaraku, maka kamu harus membayar diatnya kepadaku.” Ia menyatakan demikian seraya menangis dan menaburkan pasir ke atas kepalanya sendiri dan menyatakan, “Aduhai bapa saudaraku.”

Kemudian ia melaporkan hal tersebut kepada Nabi Musa AS Maka Nabi Musa AS menjatuhkan keputusan agar mereka membayar diat kepada si pemuda itu. Namun para qabilah itu berkata, “Wahai utusan Allah, mohonkanlah kepada Tuhanmu buat kami agar Dia menjelaskan kepada kami siapakah yang membunuhnya, lalu kita tangkap pelakunya. Demi Allah, sesungguhnya diat si terbunuh ini mudah bagi kami, tetapi kami merasa malu dituduh sebagai pembunuh.” Yang demikian itu disebutkan dalam firman-Nya:

وَإِذْ قَتَلْتُمْ نَفْسًا فَادَّارَأْتُمْ فِيهَا ^{صَل} وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنْتُمْ

تَكْتُمُونَ ﴿٧٢﴾

Maksud: *Dan (ingatlah), ketika kamu membunuh seorang manusia, kemudian kamu tuduh-menuduh sesama sendiri tentang pembunuhan itu, padahal Allah tetap melahirkan apa yang kamu sembunyikan. (72)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 72)

Nabi Musa AS berkata kepada mereka, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman-Nya melalui ayat berikut, “Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 67). Namun jawapan mereka, “Kami bertanya kepadamu tentang orang yang dibunuh dan orang yang membunuhnya, tetapi engkau menjawabnya, “Sembelihlah seekor lembu betina.” Apakah engkau ingin memperolok-olokkan kami?” Maka Nabi Musa AS menjawab, Nabi Musa AS menjawab, “Aku berlindung kepada Allah daripada menjadi salah seorang dari golongan yang jahil (yang melakukan sesuatu yang tidak patut).” (Surah *al-Baqarah*, 2: 67).

Sayyidina Ibn ‘Abbas RA menyatakan bahawa seandainya mereka mengambil seekor lembu betina yang mana pun lalu, mereka menyembelihnya, nescaya hal itu sudah cukup bagi mereka. Akan tetapi, mereka bersikap keras kepala dan tidak menurut kata terhadap Nabi Musa AS, maka Allah SWT memperberatkan hukuman-Nya tersebut terhadap mereka. Mereka berkata pula, “Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami bagaimana sifat lembu itu?” Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman, “Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 68).

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/296) menjelaskan bahawa *al-farid* ialah lembu betina yang sudah tua dan tidak beranak lagi. Manakala *al-bikr*, lembu betina yang belum pernah beranak kecuali hanya baru sekali. Sedangkan *al-‘awan*, pertengahan antara keduanya. Maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu. Mereka berkata lagi, “Pohonkanlah

kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkan-Nya kepada kami apa warnanya?” Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman, “Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu kuning, kuning tua warnanya, lagi menyukakan orang yang melihatnya.” Mereka berkata lagi, “Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami lembu betina yang mana satu? Hal ini kerana sesungguhnya lembu yang dikehendaki itu kesamaran kepada kami (susah kami memilihnya), dan kami insya Allah akan mendapat petunjuk (untuk mencari dan menyembelih lembu itu).” Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman: Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menyiram tanaman; ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 68-71). Maksud belang warna ialah tidak ada belang putih, belang hitam, dan belang merah, melainkan kuning mulus. *Mereka berkata*, Mereka berkata, “Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifatnya yang sebenar.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 71). Mereka mencarinya, dan ternyata mereka tidak mampu menemukannya.

Tersebut kisah juga dalam kalangan kaum Bani Israil terdapat seorang pemuda yang sangat berbakti kepada ayahnya, pada suatu hari ada seorang lelaki lain yang datang kepadanya dengan membawa mutiara jualannya. Ketika itu ayahnya sedang tidur, sedangkan kunci peti besi berada di bawah bantalnya. Si lelaki penjual mutiara itu berkata kepadanya, “Mahukah engkau beli mutiara ini dengan harga tujuh puluh ribu dirham?” Si pemuda menjawab, “Jika kamu bersabar hingga ayahku terbangun dari tidur, aku ingin membelinya darimu dengan harga delapan puluh ribu dirham.” Si penjual mutiara berkata, “Bangunkan sahaja ayahmu, nanti mutiara ini akan aku jual kepadamu dengan harga enam puluh ribu dirham.” Maka si penjual mutiara terus menurunkan harganya hingga mencapai harga tiga puluh ribu dirham, sedangkan si pemuda itu pula menaikkannya harga sampai seratus ribu dirham, dengan syarat ayahnya harus terbangun dengan

sendirinya terlebih dahulu. Ketika si penjual mendesak terus, maka si pemuda kesal, lalu berkata kepadanya, “Demi Allah, aku tidak mahu membelinya darimu dengan harga berapa pun juga selamalamanya.” Dia menolak untuk membangunkan ayahnya. Maka Allah SWT mengganti mutiara tersebut menjadi lembu betina untuk si pemuda (sebagai pahala berbakti kepada ayahnya).

Ketika kaum Bani Israil yang sedang mencari lembu betina itu melihat lembu betina yang dicarinya berada di tangan si pemuda, mereka langsung meminta agar si pemuda menjual lembunya kepada mereka, ditukar dengan lembu yang lain; tetapi si pemuda itu menolak. Lalu mereka menambahkan tukarannya dengan dua ekor sapi, namun si pemuda tetap menolak, dan mereka terus-menerus menambah hingga sampai sepuluh ekor lembu seraya berkata, “Demi Allah, kami tidak akan membiarkanmu sebelum kami membelinya darimu.”

Lalu mereka membawa si pemuda itu kepada Nabi Musa AS dan mereka berkata, “Hai Nabi Allah, sesungguhnya kami menemukan lembu betina itu berada di tangan lelaki muda ini, tetapi dia menolak memberikannya kepada kami, padahal kami memberinya harga yang sesuai.” Maka Nabi Musa AS berkata kepada si pemuda, “Berikanlah kepada mereka lembu betinamu itu.” Si pemuda menjawab, “Wahai utusan Allah, aku lebih berhak terhadap harta bendaku.” Nabi Musa AS menjawab, “Engkau benar.” Selanjutnya Nabi Musa AS berkata kepada kaumnya, “Buatlah teman kamu ini rela.” Akhirnya mereka bersedia mengganti lembu betinanya itu dengan emas seberat lembu tersebut, tetapi si pemuda tetap menolak, dan mereka terus menambah nilai tukarnya hingga sampai sepuluh kali ganda emas seberat timbangan lembu betinanya. Akhirnya si pemuda memberikan lembu betinanya kepada mereka dan mengambil harganya, lalu mereka menyembelih lembu betina tersebut. Nabi Musa AS berkata, “Pukullah mayat itu dengan sebahagian dari anggota tubuh lembu betina yang disembelih itu!” Mereka memukulnya dengan bahagian tubuh antara dua bahu sapi, maka mayat itu dapat hidup kembali. Lalu mereka bertanya kepadanya, “Siapakah yang membunuhmu?” Ia berkata kepada mereka, “Anak

saudaraku. Dia menyatakan bahawa dia akan membunuhku, merampas hartaku, dan mengawini anak perempuanku.” Akhirnya mereka menangkap si pembunuh dan membunuhnya.

Imam Sunaid pula meriwayatkan kisah yang diceritakan oleh Muhammad bin Ka‘ab al-Qurazi dan Muhammad bin Qais bahawa disebutkan suatu ketika, suku dalam kalangan Bani Israil merasakan bahawa tindak kejahatan dalam kalangan mereka semakin banyak, maka mereka membangunkan sebuah kota yang terpisah yang bertujuan untuk mereka menghindar dari kejahatan yang biasa dilakukan kebanyakan orang. Untuk itu, apabila petang hari tiba, mereka tidak membiarkan ada seorang pun di luar kota melainkan disuruh masuk ke dalam kota. Apabila pagi hari tiba, pemimpin mereka naik ke atas benteng dan melihat-lihat keadaan di luar; apabila ia tidak melihat sesuatu pun yang mencurigakan, barulah ia membuka pintu gerbang kotanya, dan ia selalu bersama mereka hingga petang harinya.

Tersebutlah bahawa ada seorang lelaki dalam kalangan Bani Israil yang memiliki harta yang banyak, sedangkan ia tidak mempunyai ahli waris kecuali hanya saudara lelakinya. Tetapi sesudah dirasakan oleh si saudara pewaris bahawa saudaranya yang kaya itu tidak juga mati melainkan berusia panjang, terdorong keinginannya untuk mewarisi hartanya dengan secepatnya. Maka ia membunuh saudaranya itu, kemudian mayatnya ia letakkan di depan pintu kota tersebut, lalu ia dan teman-temannya bersembunyi di suatu tempat yang tidak dapat dilihat.

Ketika pemimpin kota naik ke atas benteng pintu gerbang kotanya, lalu melihat-lihat keadaan di luar dan ternyata ia tidak melihat adanya sesuatu yang mencurigakan, barulah ia membuka pintu gerbang kotanya. Sebaik sahaja ia membuka pintu gerbang kotanya, ia melihat ada seseorang yang mati terbunuh, untuk itu ia segera menutup kembali pintu gerbang kotanya. Lalu saudara si terbunuh dan teman-temannya berseru dari tempat persembunyiannya dan menampakkan diri, “Kamu membunuhnya, kemudian kamu tutup kembali pintu gerbang kamu.”

Tersebutlah pula ketika Nabi Musa AS melihat banyak kejahatan pembunuhan dalam kalangan kaum Bani Israil, maka apabila ia melihat ada seseorang terbunuh di dekat suatu kaum, ia menghukum kaum tersebut. Antara saudara si terbunuh dan penduduk kota hampir terjadi perang di saat kedua belah pihak menghunus senjatanya masing-masing, tetapi masing-masing masih mampu dapat menahan diri. Kemudian mereka datang kepada Nabi Musa AS dan menceritakan persoalan mereka. Mereka berkata, “Hai Musa, sesungguhnya orang dari penduduk kota ini membunuh seseorang, sesudah itu mereka menutup pintu gerbangnya.” Penduduk kota menjawab, “Wahai utusan Allah, sesungguhnya engkau mengetahui bahawa kami menghindarkan diri dari segala bentuk kejahatan, untuk itu kami membangun kota tersendiri seperti yang engkau lihat dengan tujuan untuk menghindarkan diri dari kejahatan orang lain. Demi Allah, kami tidak membunuh dan tidak pula mengetahui pembunuhnya.”

Maka Allah SWT menurunkan wahyu-Nya kepada Nabi Musa AS, memerintahkan agar mereka menyembelih seekor lembu betina. Kemudian Nabi Musa AS berkata kepada mereka, “Sesungguhnya Allah menyuruh supaya kamu menyembelih seekor lembu betina.” (Surah *al-Baqarah*, 2: 67). Konteks cerita ini berasal dari Ubaidah, Abu al-‘Aliyah, al-Suddi, dan lain-lainnya. Masing-masing terdapat perbezaan, tetapi pada lahiriahnya riwayat ini diambil dari kitab Bani Israil dari kategori yang boleh dinukilkan, namun tidak boleh dibenarkan dan tidak boleh pula didustakan. Oleh kerana itu, maka kisah ini tidak dapat dijadikan pegangan kecuali hal yang sesuai dengan kebenaran yang ada pada sumber ilmu Islam.

SURAH AL-BAQARAH (2: 68-71)

Lanjutan daripada suruhan menyembelih lembu kepada Bani Israil digambarkan dalam ayat yang berikut sebagaimana firman Allah SWT ini:

قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ ۚ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ
 لَا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ فَافْعَلُوا مَا تُؤْمَرُونَ
 ﴿٦٨﴾ قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا لَوْهَا قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا
 بَقَرَةٌ صَفْرَاءٌ فَاقِعٌ لَوْنُهَا تَسُرُّ النَّاظِرِينَ ﴿٦٩﴾ قَالُوا ادْعُ لَنَا
 رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ ۚ إِنَّ الْبَقَرَ تَشْبَهُ عَلَيْنَا وَإِنَّا إِن شَاءَ اللَّهُ
 لَمُهْتَدُونَ ﴿٧٠﴾ قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا ذُلُّ تُشِيرُ الْأَرْضَ
 وَلَا تَسْقِي الْحَرْثَ مُسَمَّمَةٌ لَّا شِيَةَ فِيهَا قَالُوا أَلَكُنَّ جِئْتَ
 بِالْحَقِّ فَذَبْحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧١﴾

Maksud: Mereka berkata pula, “Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkanNya kepada kami bagaimana (sifat) lembu itu?” Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman, “Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda, pertengahan (umurnya) antara itu; maka kerjakanlah apa yang diperintahkan kepada kamu melakukannya.” (68) Mereka berkata lagi, “Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkan-Nya kepada kami apa warnanya?” Nabi Musa AS menjawab, “Bahawasanya Allah berfirman: Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu kuning, kuning tua warnanya, lagi menyukakan orang yang melihatnya.” (69) Mereka berkata lagi, “Pohonkanlah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkan-Nya kepada kami lembu betina yang mana satu? Hal ini kerana sesungguhnya lembu yang dikehendaki itu kesamaran kepada kami (susah kami memilihnya), dan kami insya Allah akan mendapat

petunjuk (untuk mencari dan menyembelih lembu itu).” (70) Nabi Musa AS menjawab, “Bahwasanya Allah berfirman: Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menyiram tanaman; ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya.” Mereka berkata, “Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifatnya yang sebenar.” Maka mereka pun menyembelih lembu yang tersebut, dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan (perintah Allah) itu. (71)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 67-74)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/298) menjelaskan bahawa Allah SWT menceritakan sikap keras kepala kaum Bani Israil dan mereka banyak bertanya kepada rasul-Nya. Oleh kerana itu, tatkala mereka mempersempitkan diri mereka, maka Allah SWT benar-benar mempersempit mereka. Seandainya mereka segera menyembelih lembu betina apa pun, nescaya hal itu sudah cukup bagi mereka sesuai dengan apa yang diperintahkan. Demikian menurut Ibn ‘Abbas, Ubaidah, dan lain-lain-nya. Namun, ternyata kaum Bani Israil keras kepala, maka Allah SWT memperkeraskan hukuman-Nya kepada mereka. Mereka berkata seperti yang disebutkan oleh firman-Nya:

قَالُوا ادْعُ لَنَا رَبَّكَ يُبَيِّنْ لَنَا مَا هِيَ

Maksud: Mereka berkata pula, “Berdoalah kepada Tuhanmu untuk kami, supaya diterangkan-Nya kepada kami bagaimana (sifat) lembu itu?”

(Surah *al-Baqarah*, 2: 68)

Makna yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah bagaimana ciri khas lembu tersebut. Imam Ibn Jarir (2001: 1235) meriwayatkan athar daripada Ibn ‘Abbas yang menyatakan:

لَوْ أَخَذُوا أَدْنَى بَقْرَةٍ اِكْتَفُوا بِهَا لَكِنَّهُمْ شَدَّوْا فَشَدَّ اللَّهُ عَلَيْهِمْ.

Maksud: *Seandainya mereka mengambil lembu betina apa pun sejak semula, nescaya hal itu sudah cukup bagi mereka.*

(Ibn Jarir)

Namun mereka suka membantah dan keras kepala, maka Allah SWT memperkeras hukuman terhadap mereka.” Sanad athar ini adalah sahih dan sememangnya athar ini diriwayatkan dalam banyak sumber dan bukan hanya daripada seorang. Hal yang sama dikatakan juga oleh ‘Ubaidah, al-Suddi, Mujahid, Ikrimah, Abu al-‘Aliyah, dan lain-lainnya. Sebagai contoh hadis berikut Ibn Jarir (2001: 1242):

قَالَ ابْنُ جُرَيْجٍ: قَالَ لِي عَطَاءٌ: لَوْ أَخَذُوا أَدْنَى بَقْرَةٍ كَفَّتْهُمْ.
 قَالَ ابْنُ جُرَيْجٍ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "إِنَّمَا أَمْرُوا بِأَدْنَى بَقْرَةٍ،
 وَلَكِنَّهُمْ لَمَّا شَدَّوْا عَلَى أَنْفُسِهِمْ شَدَّ اللَّهُ عَلَيْهِمْ؛ وَإِيمُ اللَّهِ
 لَوْ أَنَّهُمْ لَمْ يَسْتَثْنُوا مَا بَيَّنَّتْ لَهُمْ آخِرَ الْأَبَدِ."

Maksud: *Ibnu Jurayj meriwayatkan bahawa Ata pernah menyatakan kepadanya, seandainya mereka (orang Bani Israil) mengambil lembu betina apa pun, nescaya sudah cukup bagi mereka. Ibn Juraj meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, "Sesungguhnya mereka hanya diperintahkan untuk mencari lembu betina apa pun, tetapi mereka membandel, maka Allah SWT mempekeras sanksi-Nya terhadap mereka. Demi Allah, seandainya mereka tidak mengucapkan kalimat istisna (insya Allah), nescaya mereka tidak akan diberi penjelasan sampai hari kiamat.*

(Ibn Jarir)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/298) menyambung perbincangan tafsir terhadap firman Allah SWT yang seterusnya, iaitu:

قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا فَارِضٌ وَلَا بِكْرٌ

Maksud: *Bahawa (lembu betina) itu ialah seekor lembu yang tidak terlalu tua dan tidak terlalu muda.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 68)

Tidak terlalu tua, tidak pula terlalu kecil, dan belum punya anak. Demikian menurut Abu al-‘Aliyah, al-Suddi, Mujahid, Ikrimah, Atiyah al-Aufi, Ata al-Khurrasani, Wahb bin Munabbih, al-Dahhak, al-Hasan, dan Qatadah. Hal yang sama dikatakan pula oleh Ibn ‘Abbas terhadap ayat dalam firman Allah SWT berikut:

عَوَانٌ بَيْنَ ذَلِكَ

Maksud: *Pertengahan (umurnya) antara itu.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 68)

Kenyataan ayat ini (‘awan) membawa maksud pelbagai maksud dalam kalangan ulama tafsir sama ada sahabat atau tabiin, iaitu:

- (1) Ikrimah, Mujahid, Abu al-‘Aliyah, al-Rabi‘ bin Anas, Ata al-Khurrasani, dan al-Dahhak: Pertengahan antara usia tua dan usia muda. Dalam usia seperti itu biasanya binatang ternak seperti lembu sedang dalam usia puncak kekuatannya dan dalam kedudukan yang paling baik.

- (2) Al-Suddi: Pertengahan antara hal tersebut, yaitu lembu betina yang melahirkan anaknya, lalu anaknya itu beranak lagi.

Seterusnya al-Hasan dalam menjelaskan tentang lembu betina ini beliau menyatakan bahawa lembu betina yang dimaksudkan ini adalah lembu betina yang liar.

Selain itu, para ulama tafsir berselisih pendapat dalam menafsirkan tentang warnah lembu betina tersebut. Pendapat mereka tentang warna lembu tersebut seperti berikut:

- (1) Ibn ‘Abbas, Mujahid dan Wahb bin Munabbih: Warna kuning yang menyenangkan dengan sebagaimana warna kuning yang menyenangkan pada alas kaki. Beliau berkata dalam satu Athar (Al-Tabrani, 1994: 10612; Ibn Abi Hatim, 1998: 705; Al-Asbahani, 2004: 888; Ibn ‘Arabiy, 1997: 968):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ: مَنْ لَبَسَ نَعْلًا صَفْرَاءَ لَمْ يَزَلْ فِي سُرُورٍ
مَا دَامَ لَا يَبْسُهَا، وَذَلِكَ قَوْلُهُ تَعَالَى: (صَفْرَاءُ فَاقِعٌ لَوْنُهَا تَسْرٌ
التَّاطِرِينَ).

Maksud: Ibn ‘Abbas RA berkata, “Barang siapa yang memakai alas kaki (kulit yang berwarna) kuning, maka ia terus-menerus berada dalam kesenangan selagi ia memakainya.” Yang demikian itu adalah pengertian yang dimaksud dalam firman-Nya:

﴿٦٩﴾ فَاقِعٌ لَوْنُهَا تَسْرٌ التَّاطِرِينَ

Erti: Lagi menyukakan orang yang melihatnya.” (69) (Surah al-Baqarah, 2: 69)

(Al-Tabrani, Ibn Abi Hatim, al-Asbahani, dan Ibn ‘Arabiy)

Ibn ‘Abbas dalam pendapat yang lain: Kuning atau kuning tua. Hal ini disebabkan firman Allah SWT, “*faqi‘ al-lawnuha,*” artinya sangat kuning atau kuning tua; kerana sangat kuning hingga kelihatan seperti putih warnanya.

- (2) Ibn Umar RA: Kuning dan menambah dengan meriwayatkan bahawa lembu betina itu mempunyai kuku berwarna kuning. Sedangkan Sa‘id bin Jubair meriwayatkan bahawa lembu betina tersebut berwarna kuning kuku dan tanduknya. Pandangan tentang berwarna kuning adalah pandangan yang benar. Oleh kerana itu lafaz selanjutnya tentang warna kuning tersebut dikuatkan dengan firman-Nya, “*Faqi‘ al-lawnuha,*” iaitu yang kuning tua warnanya.
- (3) Al-Hasan: Hitam dengan hitam legam warnanya. Namun pandangan ini adalah pandangan yang dianggap gharib, iaitu satu-satunya yang datang daripada beliau.
- (4) Atiyyah al-Aufi: Kuning yang pekat. Hal ini kerana firman Allah SWT, “*Faqi‘ al-lawnuha,*” bererti hampir kelihatan hitam kerana kuningnya yang pekat.
- (5) Sa‘id bin Jubair, Abu al-‘Aliyah, al-Rabi‘ bin Anas, al-Suddi, al-Hasan, dan Qatadah: Kuning. Namun sifat kuningnya sangat mulus sebagaimana firman “*faqi‘ al-lawnuha,*”
- (6) Ma'mar: Kuning bersih warnanya. Hal ini kerana firman Allah SWT “*Faqi‘ al-lawnuha,*” artinya bersih warnanya.
- (7) Pendapat lain daripada
- (8) Al-Suddi, Abu al-‘Aliyah, Qatadah, dan al-Rabi‘ bin Anas: Kuning tua warnanya, lagi menyukakan orang yang melihatnya, iaitu membuatkan orang yang memandangnya merasa kagum. Hal yang sama dikatakan oleh.
- (9) Wahb bin Munabbih: Kuning dengan apabila kamu melihatnya, sekan-akan cahaya matahari memancar dari kulitnya.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/299) Dalam kitab Taurat disebutkan bahawa warna kulit lembu betina itu ialah merah, barangkali hal ini terjadi kerana kekeliruan dalam menerjemahkan ke dalam

bahasa Arab atau seperti pendapat yang menyatakan bahawa warna kulit lembu betina tersebut sangat kuning hingga warnanya cenderung menjadi merah kehitam-hitaman.

Seterusnya, Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/300) menyambung perbincangan berkaitan dengan firman Allah SWT:

إِنَّ الْبُقَرَّتْ شَبَهَ عَلَيْنَا

Maksud: *Sesungguhnya lembu yang dikehendaki itu kesamaran kepada kami (susah kami memilikinya)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 70)

Kaum Bani Israil berkata demikian kerana banyaknya lembu betina pada masa itu. Mereka meminta Nabi Musa AS memberikan ciri khas lembu tersebut dan menjelaskan cirinya dengan terperinci. Dan menyambung permintaannya dengan harapan kepada Allah SWT sebagaimana yang diceritakan oleh-Nya;

وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ لَمُهْتَدُونَ

Maksud: *Dan kami insya Allah akan mendapat petunjuk (untuk mencari dan menyembelih lembu itu). (70)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 70)

Harapan mereka kepada Allah SWT tersebut menjadikan mereka diberikan panduan bagaimana untuk mendapatkan lembu tersebut. Satu hadis menjelaskan (Ibn Abi Hatim, 1998: 722):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "أَوْلَا أَنْ بَنِي إِسْرَائِيلَ قَالُوا: (وَإِنَّا إِنْ شَاءَ اللَّهُ لَمُهْتَدُونَ) لَمَا أُعْطُوا، وَلَكِنْ اسْتَثْنَوْا"

Maksud: *Abu Hurairah RA yang menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, "Seandainya Bani Israil tidak menyatakan, "Dan sesungguhnya kami insya Allah SWT akan mendapat petunjuk" (Surah al-Baqarah, 2: 70), nescaya mereka tidak akan diberi tabu (untuk mendapatkan lembu betina itu), tetapi ternyata mereka mengucapkan istisna (kalimat insya Allah)."*

(Ibn Abi Hatim)

Pertanyaan kaum Bani Israil dijawab oleh Allah SWT dalam firman Allah SWT yang seterusnya:

قَالَ إِنَّهُ يَقُولُ إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَّا ذَلُولٌ تُثِيرُ الْأَرْضَ وَلَا تَسْقِي الْحَرْثَ

Maksud: *Nabi Musa AS menjawab, "Bahawasanya Allah berfirman, "Sebenarnya (lembu yang dikehendaki itu) ialah lembu betina yang tidak pernah digunakan untuk membajak tanah (sawah bendang), dan tidak pula (digunakan mengangkut air) untuk menyiram tanaman."*

(Surah al-Baqarah, 2: 71)

Lembu betina tersebut bukan lembu betina yang digunakan untuk membajak tanah, tidak pula digunakan untuk mengangkut air untuk

tujuan pengairan, melainkan lembu betina yang dipelihara sebagai haiwan kesayangan dalam keadaan sihat, gagah, lagi tiada kecacatan. Gambaran seterusnya disebut:

مُسَلَّمَةٌ لَا شِيَةَ فِيهَا

Maksud: *Ia juga tidak cacat dan tidak ada belang pada warnanya.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 71)

Perkataan *musallamah* (مُسَلَّمَةٌ) dalam ayat ini ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran dalam kalangan ahli tafsir sahabat, tabi'in, dan tabi tabi'in, iaitu:

- (1) Sayyidina Qatadah, Abu al-'Aliyah, dan al-Rabi': Tidak bercacat.
- (2) Mujahid: Bebas dari belang, iaitu tidak ada belangnya.
- (3) 'Ata al-Khurasani: Semua kaki dan seluruh tubuhnya mulus, bebas dari belang.

Bagitu juga pertakatan *la shiyata fiha* (لَا شِيَةَ فِيهَا) juga ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran dalam kalangan ahli tafsir sahabat, tabi'in, dan tabi tabi'in, iaitu:

- (1) Mujahid: Tidak ada warna putih dan hitam, iaitu tidak berbelang.
- (4) Abu al-'Aliyah, al-Rabi', al-Hasan, dan Qatadah: Tidak ada belang putihnya.
- (5) 'Ata al-Khurasani, Atiyyah al-Aufi, Wahb bin Munabbih, dan Ismail bin Abu Khalid: Warnanya satu lagi tua.
- (6) Al-Suddi: Tidak ada belang putih, belang hitam, dan belang merahnya.

Ringkasnya, semua makna yang disebutkan di atas hampir sama maksudnya, tetapi ada sebahagian ulama yang menanggapi tentang firman Allah SWT, "*Innaha baqaratul la zalulun* (إِنَّهَا بَقَرَةٌ لَا ذَلُولٌ),"

ertinya sesungguhnya lembu betina itu adalah lembu betina yang tidak dipersiapkan untuk melakukan sebarang pekerjaan. Kemudian lafaz selanjutnya dianggap sebagai kalimah baru, iaitu firman-Nya, “tusirul arda (تُسِيرُ الْأَرْضَ),” iaitu dipekerjakan untuk membajak tanah, hanya lembu betina tersebut tidak dipakai untuk mengairi tanaman. Pendapat ini lemah kerana lafaz *la zalulun* ditafsirkan oleh firman selanjutnya, iaitu tusirul arda, iaitu lembu betina itu tidak digunakan untuk membajak tanah, tidak pula untuk mengairi tanaman. Demikian menurut ketetapan Al-Qurtubi (2003: 1/452) dan lain-lainnya.

Perbincangan tafsiran disambung oleh Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/299) tentang firman Allah SWT:

قَالُوا لَكِن جِئْتَنَا بِالْحَقِّ

Maksud: Mereka berkata, “Sekarang baharulah engkau dapat menerangkan sifatnya yang sebenar.”

(Surah *al-Baqarah*, 2: 71)

Tafsiran ini menurut Sayyidina Qatadah membawa maksud, “sekarang barulah kamu menerangkan yang sebenarnya kepada kami.” Sedangkan bagi Abd al-Rahman bin Zaid bin Aslam menyatakan bahawa pendapat lain menyatakan bahawa makna yang dimaksud ialah Allah SWT menyebutkan kepada mereka hakikat lembu betina yang sebenarnya.

Akhir sekali Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/299) menjelaskan tentang firman Allah SWT:

فَذَبْحُوهَا وَمَا كَادُوا يَفْعَلُونَ ﴿٧١﴾

Maksud: *Dan hampir-hampir mereka tidak dapat menunaikan (perintah Allah) itu. (71)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 71)

Menurut beliau, Ibn ‘Abbas berkata bahawa mereka hampir sahaja tidak melakukan perintah itu kerana tujuan mereka bukanlah demikian melainkan mereka bermaksud agar tidak menyembelih lembu betina yang dimaksudkan. Dengan kata lain, sesudah ada penjelasan, tanya jawab, dan keterangan ini mereka tidak juga menyembelihnya kecuali sesudah susah payah. Dalam ungkapan ini terkandung erti celaan yang ditujukan kepada mereka. Demikian itu kerana maksud dan tujuan mereka yang sesungguhnya hanyalah sebagai ungkapan pembangkangan mereka, maka dikatakanlah bahawa mereka hampir sahaja tidak menyembelihnya.

Manakala Muhammad bin Ka‘ab dan Muhammad bin Qais menyatakan bahawa ayat ini menyentuh tentang harganya yang sangat mahal. Namun, penafsiran ini masih perlu dipertimbangkan kerana kaitan harganya mahal masih belum dapat terbukti dengan kuat melainkan hanya melalui nukilan dari kaum Bani Israil, seperti yang disebutkan di atas dalam riwayat Abu al-‘Aliyah dan al-Suddi, dan al-Aufi yang semuanya meriwayatkannya pula dari Ibn ‘Abbas.

Ubaidah, Mujahid, Wahb bin Munabbih, Abu al-‘Aliyah, dan Abd al-Rahman bin Zaid bin Aslam meriwayatkan bahawa kaum Bani Israil membeli lembu betina tersebut dengan harta yang banyak jumlahnya. Namun, hal ini masih juga diperselisihkan. Kemudian menurut pendapat yang lain harga pembayarannya tidaklah sebanyak itu.

Sedangkan Ikrimah pula menyatakan bahawa harga pembelian lembu betina itu hanyalah tiga dinar saja. Sanad riwayat ini mencapai tahap yang jayyid, iaitu baik. Namun lahiriah riwayat ini menunjukkan bahawa hal ini pun dinukil dari ahli kitab juga.

Manakala Imam Ibn Jarir (2001: 2/113) menyatakan tentang makna ayat ini bahawa ulama lainnya menyatakan tentang mereka hampir tidak melaksanakan perintah itu kerana takut rahsia pembunuh yang sebenarnya yang mereka perselisihkan akan terungkap. Riwayat ini tidak disandarkan kepada seorang pun oleh perawi. Kemudian Ibn Jarir memilih bahawa pendapat yang benar dalam masalah ini ialah mereka hampir tidak melaksanakan perintah itu kerana harganya terlampau mahal, juga kerana takut rahsia mereka tersingkap. Akan tetapi, pendapat ini pun masih perlu dipertimbangkan. Pendapat yang benar hanya Allah SWT Yang Maha Mengetahui ialah seperti apa yang disebutkan di atas dalam riwayat Ibn ‘Abbas. Hanya kepada Allahlah tempat memohon taufik.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/301) turut membincangkan bahawa ayat ini, iaitu yang mengandungi spesifikasi sifat lembu betina tersebut hingga bentuknya tertentu atau jelas cirinya yang sebelum itu masih bersifat umum. Hal ini menunjukkan bahawa sah melakukan transaksi tempahan (*salam*) yang berkaitan dengan haiwan ternakan seperti yang disimpulkan oleh mazhab Maliki, al-Auza'i, al-Lais, al-Syafi'i, Ahmad, serta jumah ulama Salaf dan Khalaf. Sebagai dalilnya kebolehan tempahan dengan merujuk sifatnya sahaja sudah memadai juga bersandarkan satu larangan dalam hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 5240):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا تُبَاشِرُ
الْمَرْأَةَ الْمَرْأَةَ، فَتَنْعَتَهَا لِزَوْجِهَا كَأَنَّهُ يَنْظُرُ إِلَيْهَا»

Maksud: ‘Abdullah bin Mas ‘ud RA berkata, “Nabi SAW bersabda, “Janganlah seorang wanita bergurau senda dengan seorang wanita lain, sehingga dia menggambarkan sifat wanita lain kepada suaminya (hingga tersimpulkan oleh suaminya) seakan-akan ia melihat wanita yang dimaksudkan.

(Al-Bukhari)

Dalil lainnya ialah seperti sifat yang dikemukakan oleh Nabi SAW tentang ternak unta diat dalam kes pembunuhan secara tersilap yang hampir serupa dengan sengaja, iaitu dengan sifat spesifikasi yang disebutkan dalam hadis mengenainya. Lain halnya dengan Imam Abu Hanifah, al-Thawri, dan ulama Kufah bahawa mereka berpendapat, tidak sah melakukan transaksi salam yang berkait dengan haiwan ternak disebabkan sifat haiwan ternak selalu tidak stabil. Hal yang sama diriwayatkan dari Ibn Mas'ud, Huzaifah bin al-Yaman, Abd al-Rahman Ibn Samurah, dan lainnya.

SURAH AL-BAQARAH (2: 72-73)

Selepas Allah SWT menceritakan tentang proses pencarian lembu betina untuk disembelih, Allah SWT menjelaskan kenapa berlakunya pembunuhan tersebut dan bagaimana penyembelihan lembu tersebut dapat menyingkap kes pembunuhan. Allah SWT berfirman:

وَإِذْ قَتَلْتُمْ نَفْسًا فَادَّارَأْتُمْ فِيهَا وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ
 ﴿٧٢﴾ فَقُلْنَا اضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا كَذَلِكَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَى وَيُرِيكُمْ
 آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٣﴾

Maksud: Dan (ingatlah), ketika kamu membunuh seorang manusia, kemudian kamu tuduh-menuduh sesama sendiri tentang pembunuhan itu, padahal Allah tetap melahirkan apa yang kamu sembunyikan. (72) Maka Kami (Allah) berfirman, "Pukulah si mati dengan sebahagian anggota lembu yang kamu sembelih itu" (Mereka pun memukulnya dan ia kembali hidup). Demikianlah Allah menghidupkan orang yang mati, dan memperlihatkan kepada kamu tanda kekuasaannya, supaya kamu memahaminya. (73)

(Surah al-Baqarah, 2: 67-74)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/302) menjelaskan bahwa Imam Al-Bukhari (2001: 4/157) menyatakan bahwa *faddarattum fiha* (فَادَارَأْتُمْ), ertinya kamu berselisih pendapat mengenai pembunuhnya. Hal yang sama dikatakan oleh Mujahid bahwa maksud ayat, “Dan (ingatlah), ketika kamu membunuh seorang manusia, kemudian kamu tuduh-menuduh sesama sendiri tentang pembunuhan itu. (Surah al-Baqarah, 2: 72),” iaitu kamu berselisih pendapat mengenai pembunuhnya. Sedangkan Ata’ al-Khurasani dan al-Dahhak menyatakan bahwa *faddarattum fiha* (فَادَارَأْتُمْ), ertinya *ikhtasamtum fiha* (اِخْتَصَمْتُمْ فِيهَا), iaitu kamu bertengkar mengenai siapa pembunuhnya. Manakala Ibn Juraij dan Abd al-Rahman bin Zaid bin Aslam menyatakan bahwa maksud kalimah ini ialah sebahagian dari mereka terhadap sebahagian yang lain saling menyatakan, “Kamulah yang membunuhnya,” iaitu saling tuduh-menuduh.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/302) menyambung perbincangan potongan ayat yang berikutnya dalam firman Allah SWT:

وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٧٢﴾

Maksud: *Padahal Allah tetap melahirkan apa yang kamu sembunyikan.* (72)

(Surah al-Baqarah, 2: 72)

Mujahid menyatakan bahwa *ma kuntum taktumun* (مَا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ), ertinya yang selama ini tidak kamu ketahui. Imam Ibn Abi Hatim (1998: 749) meriwayatkan:

عَنِ الْمُسَيْبِ بْنِ رَافِعٍ قَالَ: مَا عَمِلَ رَجُلٌ حَسَنَةً فِي سَبْعَةِ آيَاتٍ
إِلَّا أَظْهَرَهَا اللَّهُ، وَمَا عَمِلَ رَجُلٌ سَيِّئَةً فِي سَبْعَةِ آيَاتٍ إِلَّا أَظْهَرَهَا
اللَّهُ، وَتَصْدِيقُ ذَلِكَ: (وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ).

Maksud: *Al-Musayyab bin Rafi'* menyatakan, "Tidak sekali-kali seseorang melakukan suatu amal kebaikan di tujuh rumah melainkan Allah SWT akan menampakkannya, dan tidak sekali-kali seseorang melakukan suatu amal keburukan di tujuh rumah melainkan Allah SWT akan menampakkannya." Hal yang membenarkan hal ini berada dalam firman-Nya:

وَاللَّهُ مُخْرِجٌ مَّا كُنْتُمْ تَكْتُمُونَ ﴿٧٢﴾

Erti: Dan Padahal Allah tetap melahirkan apa yang kamu sembunyikan. (72). (Surah *al-Baqarah*, 2: 72).

(*Ibn Abi Hatim*)

Lanjutan huraian tafsiran seterusnya dalam firman Allah SWT berikut:

فَقُلْنَا اضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا

Maksud: Maka Kami (Allah) berfirman, "Pukulah si mati dengan sebahagian anggota lembu yang kamu sembelih itu"

(Surah *al-Baqarah*, 2: 73)

Sebagian anggota yang disebutkan dalam ayat ini adalah bahagian dari anggota tubuh lembu betina yang disembelih itu. Mukjizat berlaku melaluinya dan akan timbul darinya kejadian yang aneh yang bertentangan dengan hukum alam. Pada hakikatnya bahagian dari anggota tersebut memang ditentukan. Seandainya penentuan ini mengandung faedah bagi umat manusia dalam urusan agama atau urusan dunia, nescaya Allah SWT menjelaskannya kepada umat manusia bahagian anggota yang mana. Namun, Allah SWT sengaja menyamarkannya dan tidak ada suatu penjelasan pun yang datang dari Nabi SAW melalui riwayat yang sahih sanadnya. Oleh kerana itu, tidak dibincangkan anggota

lembu yang digunakan untuk memukul tersebut sebagaimana yang dilakukan oleh Allah SWT.

Sehubungan dengan hal ini Imam Ibn Abu Hatim dari Ibn ‘Abbas yang menyatakan, “Sesungguhnya orang Bani Israil yang diperintahkan menyembelih lembu betina itu, mereka mencarinya selama empat puluh tahun. Mereka baru dapat menemukannya sesudah empat puluh tahun, yaitu pada binatang ternakan lembu milik seorang lelaki dalam kalangan mereka. Lembu betina itu sangat disayangi oleh pemiliknya. Kemudian mereka membujuknya dengan memberikan harga yang sesuai, tetapi pemiliknya menolak untuk menjual. Akhirnya mereka memberinya dengan tukaran emas sepenuh kulit lembu tersebut. Si pemilik lembu menyetujuinya, lalu mereka menyembelihnya. Selanjutnya mereka memukul si terbunuh dengan salah satu anggota badan lembu betina yang disembelih itu, maka si terbunuh hidup kembali, sedangkan urat lehernya masih dalam keadaan berlumuran darah. Lalu mereka bertanya, “Siapakah yang membunuhmu?” Lalu ia menjawab, “Si fulan yang membunuhku.”

Pelbagai pendapat dan riwayat juga diutarakan oleh ahli tafsir dalam kalangan sahabat, tabi'in, dan tabi tabi'in tentang anggota lembu yang digunakan oleh kaum Bani Israil untuk memukul mayat yang dibunuh tersebut. Pendapat mereka seperti berikut:

- (1) Al-Hasan dan Abd al-Rahman bin Zaid: Salah satu anggota badan lembu itu.
- (2) Riwayat lain dari Ibn ‘Abbas: Tulang yang letaknya berdekatan dengan tulang belakang.
- (3) ‘Ubaidah: Sebahagian daging lembu betina tersebut.
- (4) Qatadah dan Ikrimah: Mayat dipukul dengan daging paha lembu betina, lalu mayat itu hidup kembali dan menyatakan, “Si Fulan membunuhku.”
- (5) Al-Suddi: Bahagian anggota badan lembu betina yang terletak antara kedua tulang belikatnya, lalu mayat itu hidup kembali. Mereka

menanyakan kepadanya, lalu ia menjawab, “Anak saudaraku lah yang membunuhku.”

- (6) Abd al-Rahman bin Zaid bin Aslam: Salah satu dari anggota tubuhnya, yaitu bahagian pangkal pahanya.
- (7) Satu pendapat lain: Lidah lembu betina tersebut.
- (8) Satu pendapat lain: Hujung ekor lembu betina tersebut.

Abu al-‘Aliyah menyatakan bahawa Nabi Musa AS memerintahkan kepada kaum Bani Israil agar mereka mengambil salah satu dari tulang lembu tersebut guna dipukulkan ke tubuh mayat itu. Mereka melakukannya dan ternyata mayat itu dapat hidup kembali, lalu si mayat menyebutkan nama orang yang membunuhnya, sesudah itu ia mati kembali seperti asal.

Sebagai pengajaran kepada umat manusia, Allah SWT mengaitkan peristiwa mayat mampu hidup kembali untuk menjelaskan tentang orang yang membunuhnya. Begitulah juga dengan peristiwa kebangkitan umat manusia di alam akhirat. Firman Allah SWT:

كَذَلِكَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَى

Maksud: *Demikianlah Allah menghidupkan orang yang mati.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 73)

Peristiwa mereka memukul mayat itu, lalu mayat itu hidup kembali. Allah SWT mengingatkan mereka akan kekuasaan-Nya dan kemampuan-Nya dalam menghidupkan orang yang mati melalui apa yang mereka saksikan dengan mata kepala mereka sendiri dalam kes pembunuhan tersebut. Allah SWT menjadikan kekuasaan tersebut sebagai hujah buat mereka yang menunjukkan adanya hari kebangkitan dan sekaligus untuk memutuskan masalah yang dipersengketakan dalam kalangan mereka dan keingkaran mereka.

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/303) menjelaskan bahawa dalam surat ini *al-Baqarah* Allah SWT menyebutkan tentang peristiwa menghidupkan orang yang mati dalam lima tempat, iaitu:

- (1) Kisah yang terdapat dalam firman-Nya:

ثُمَّ بَعَثْنَاكُمْ مِنْ بَعْدِ مَوْتِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَشْكُرُونَ ﴿٥٦﴾

Maksud: *Kemudian kami bangkitkan kamu sesudah kamu mati (atau pengsan dari sambaran petir itu), supaya kamu bersyukur. (56)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 56)

- (2) Seperti yang disebutkan dalam ayat ini:

فَقُلْنَا اضْرِبُوهُ بِبَعْضِهَا كَذَلِكَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَى وَيُرِيكُمْ
آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٧٣﴾

Maksud: *Maka Kami (Allah) berfirman, "Pukulah si mati dengan sebahagian anggota lembu yang kamu sembelih itu" (Mereka pun memukulnya dan ia kembali hidup). Demikianlah Allah menghidupkan orang yang mati, dan memperlihatkan kepada kamu tanda-tanda kekuasaanNya, supaya kamu memahaminya. (73)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 73)

- (3) Kisah tentang orang yang keluar dari kampung halaman mereka sedangkan mereka beribu-ribu jumlahnya kerana takut mati, iaitu firman Allah SWT:

أَلَمْ تَرَ إِلَى الَّذِينَ خَرَجُوا مِن دِيَارِهِمْ وَهُمْ أُلُوفٌ حَذَرَ الْمَوْتِ
 فَقَالَ لَهُمُ اللَّهُ مُوتُوا ثُمَّ أَحْيَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ لَذُو فَضْلٍ عَلَى
 النَّاسِ وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَشْكُرُونَ ﴿٢٤٣﴾

Maksud: Tidakkah engkau ketabui (wahai Muhammad) tentang orang yang keluar (melarikan diri) dari kampung halamannya kerana takutkan mati, sedang mereka beribu-ribu ramainya? Maka Allah berfirman kepada mereka, “Matilah kamu.” Kemudian Allah menghidupkan mereka. Sesungguhnya Allah sentiasa melimpah-limpah kurnia-Nya kepada manusia (seluruhnya), tetapi kebanyakan manusia tidak bersyukur. (243)

(Surah al-Baqarah, 2: 243)

- (4) Kisah tentang orang yang melalui suatu negeri yang temboknya roboh menutupi atapnya sebagaimana firman Allah SWT:

أَوْ كَالَّذِي مَرَّ عَلَى قَرْيَةٍ وَهِيَ خَاوِيَةٌ عَلَى عُرُوشِهَا قَالَ أَنَّى
 يُحْيِي هَٰذِهِ اللَّهُ بَعْدَ مَوْتِهَا فَأَمَاتَهُ اللَّهُ مِائَةَ عَامٍ ثُمَّ
 بَعَثَهُ وَقَالَ كَمْ لَبِثْتَ قَالَ لَبِثْتُ يَوْمًا أَوْ بَعْضَ يَوْمٍ قَالَ
 بَل لَّبِثْتَ مِائَةَ عَامٍ فَانظُرْ إِلَى طَعَامِكَ وَشَرَابِكَ لَمْ يَتَسَنَّهٗ
 وَانظُرْ إِلَى حِمَارِكَ وَلِنَجْعَلَكَ ءَايَةً لِلنَّاسِ وَانظُرْ إِلَى

الْعِظَامِ كَيْفَ نُنْشِزُهَا ثُمَّ نَكْسُوهَا لَحْمًا فَلَمَّا
تَبَيَّنَ لَهُ قَالَ أَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٥٩﴾

Maksud: Atau (tidakkah engkau pelik memikirkan wahai Muhammad) tentang orang yang melalui sebuah negeri yang runtuh segala bangunannya, orang itu berkata, "Bagaimana Allah akan menghidupkan (membina semula) negeri ini sesudah matinya (rosak binasanya)? " Lalu ia dimatikan oleh Allah (dan dibiarkan tidak berubah) selama seratus tahun, kemudian Allah hidupkan dia semula lalu bertanya kepadanya, "Berapa lama engkau tinggal (di sini)?" Ia menjawab, "Aku tinggal (di sini) sehari atau setengah hari." Allah berfirman: " (Tidak benar), bahkan engkau tinggal (berkeadaan demikian) selama seratus tahun. Oleh itu, perhatikanlah kepada makanan dan minumanmu, masih tidak berubah keadaannya, dan perhatikanlah pula kepada keldaimu (hanya tinggal tulang-tulangnya bersepah), dan Kami (lakukan ini ialah untuk) menjadikan engkau sebagai tanda (kekuasaan Kami) bagi umat manusia; dan lihatlah kepada tulang-tulang (keldai) itu, bagaimana Kami menyusunnya kembali kemudian Kami menyatukannya dengan daging ." Maka apabila jelas kepadanya (apa yang berlaku itu), berkatalah dia: Sekarang aku mengetahuinya (dengan yakin), sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu." (259)

(Surah al-Baqarah, 2: 243)

- (5) Kisah tentang Nabi Ibrahim AS beserta keempat ekor burungnya sebagaimana firman Allah SWT:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّ أَرِنِي كَيْفَ تُحْيِي الْمَوْتَىٰ قَالَ أُولَٰئِكَ
تُؤْمِنُ قَالَ بَلَىٰ وَلَٰكِن لِّيَطْمَئِنَّ قُلُوبِي قَالَ فَخُذْ أَرْبَعَةً مِّنَ

الطَّيْرِ فَصَرَّهُنَّ إِلَيْكَ ثُمَّ أَجْعَلْ عَلَى كُلِّ جَبَلٍ مِّنْهُنَّ جُزْءًا ثُمَّ
 أَدْعُهُنَّ يَا تَيْنِكَ سَعِيًّا وَأَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٢٦٠﴾

Maksud: Dan (ingatlah) ketika Nabi Ibrahim (merayu dengan) berkata, "Wahai Tuhanku! Perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan makhluk yang mati?" Allah berfirman, "Adakah engkau belum percaya (kepada kekuasaanmu)?" Nabi Ibrahim menjawab, "Bahkan (aku percaya dan yakin), akan tetapi (aku memohon yang demikian ialah) supaya tenteram hatiku (yang amat ingin menyaksikannya)." Allah berfirman, "(Jika demikian), ambilah empat ekor burung, kemudian kumpulkanlah olehmu (dan cincanglah semuanya). Setelah itu letakkanlah di atas tiap-tiap sebuah bukit sebahagian daripadanya. Kemudian serulah burung-burung itu nescaya semuanya akan datang kepadamu dengan segera." Dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (260)

(Surah al-Baqarah, 2: 243)

Semua ayat ini mengingatkan umat manusia tentang pengembalian jasad yang hancur luluh menjadi hidup kembali melalui penghidupan tanah sesudah matinya. Sehubungan dengan hal ini Imam Ahmad (2001: 16194, 19196) meriwayatkan:

عَنْ أَبِي رَزِينٍ الْعُقَيْلِيِّ، قَالَ: أَتَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، فَقُلْتُ:
 "يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَى؟" قَالَ: "أَمَّا مَرَرْتُ
 بِأَرْضٍ مِنْ أَرْضِكَ مُجْدِبَةٍ، ثُمَّ مَرَرْتُ بِهَا مُحْصَبَةً؟" قَالَ: نَعَمْ،
 قَالَ: "كَذَلِكَ النَّشُورُ" أَوْ قَالَ: "كَذَلِكَ يُحْيِي اللَّهُ الْمَوْتَى"

Maksud: *Abu Razin al-Uqayli RA yang menyatakan: Aku bertanya, "Wahai Rasulullah, bagaimanakah Allah SWT menghidupkan kembali orang yang mati?" Nabi SAW bersabda, "Pernahkah kamu melalui tanah yang tandus, sesudah itu kamu lalui lagi dalam keadaan menghijau? Abu Razin menjawab, "Memang pernah." Nabi SAW bersabda, "Demikianlah halnya bangkit dari kubur." Atau Nabi SAW bersabda, "Demikianlah Allah SWT menghidupkan kembali orang yang mati."*

(Ahmad)

Kenyataan hadis ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang menyatakan:

وَأَيُّهُ لَّهُمُ الْأَرْضُ الْمَيِّتَةُ أَحْيَيْنَاهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا فَمِنْهُ
يَأْكُلُونَ ﴿٣٣﴾ وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِّن نَّخِيلٍ وَأَعْنَابٍ
وَفَجَّرْنَا فِيهَا مِنَ الْعُيُونِ ﴿٣٤﴾ لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ
أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ ﴿٣٥﴾

Maksud: *Dan dalil yang terang untuk mereka (memahami kekuasaan dan kemurahan kami), ialah bumi yang mati; kami hidupkan dia serta kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan. (33) Dan kami jadikan di bumi itu kebun kurma dan anggur, dan kami pancarkan padanya beberapa matair, (34) Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur? (35)*

(Surah Yasin, 36: 33-35)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/303) berkata bahawa mazhab Imam Malik menyimpulkan dalil ayat ini yang menyatakan bahawa keadaan ucapan orang yang dilukai, “Si Fulan ingin membunuhku,” sebagai suatu bukti. Hal ini kerana si terbunuh sesudah dihidupkan kembali, ditanya mengenai siapa yang membunuhnya, lalu ia menyatakan bahawa si Fulanlah yang membunuhnya. Maka persaksian ini dapat diterima, hal ini disebabkan bahawa ketika itu tiadalah apa yang ia beritakan melainkan hanya perkara yang benar semata-mata dan dalam keadaan seperti ini dia tidak dicurigai untuk melakukan pemalsuan terhadap pengakuannya. Mereka menguatkan kenyataan ini dengan berdalilkan sebuah hadis, iaitu (Al-Bukhari, 2001: 6879; Muslim, t.th.: 1672):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّ يَهُودِيًّا قَتَلَ جَارِيَةً عَلَى أَوْصَاحِ لَهَا، فَقَتَلَهَا بِحَجَرٍ، قَالَ: فَبَجِيَءَ بِهَا إِلَى النَّبِيِّ ﷺ، وَبِهَا رَمَقُ، فَقَالَ لَهَا: «أَقْتَلِكِ فُلَانٌ؟» فَأَشَارَتْ بِرَأْسِهَا أَنْ لَا، ثُمَّ قَالَ لَهَا الثَّانِيَةَ، فَأَشَارَتْ بِرَأْسِهَا أَنْ لَا، ثُمَّ سَأَلَهَا الثَّلَاثَةَ، فَقَالَتْ: نَعَمْ، وَأَشَارَتْ بِرَأْسِهَا، «فَقَتَلَهُ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ بَيْنَ حَجَرَيْنِ.»

Maksud: Anas RA menceritakan bahawa ada seorang lelaki Yahudi cuba membunuh seorang pelayan wanitanya dengan melukai kepalanya, iaitu dengan menghentak kepalanya dengan batu. Lalu dikatakan kepada si pelayan wanita tersebut, “Siapakah yang melakukan ini terhadap dirimu? Apakah si Fulan?” Wanita itu menggeleng kepala sebagai tanda tidak bersetuju. Kemudian Baginda SAW bertanya kepadanya kali kedua dan wanita itu menggeleng kepalanya sebagai tanda tidak bersetuju. Kemudian Baginda SAW bertanya untuk kali ketiga, barulah wanita itu mengangguk setuju menggunakan kepalanya. Kemudian Rasulullah SAW memerintahkan lelaki Yahudi itu dihentak dengan dua batu (sebagai hukum qisasnya).

(Al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Imam Malik, hukuman qisas boleh dilakukan jika hal tersebut dianggap sebagai bukti, lalu diperkuat oleh sumpah keluarga pihak si terbunuh. Akan tetapi, jumhur ulama berbeza pendapat dalam masalah ini, iaitu mereka tidak menjadikan ucapan si terbunuh sebagai satu bukti.

SURAH AL-BAQARAH (2: 74)

Setelah selesai menceritakan tentang kes pembunuhan dan menjadikan peristiwa tersebut satu mukjizat, Dia menyambung dengan mengecam keingkaran kaum Yahudi melalui firman-Nya:

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ
 قَسْوَةً وَإِنَّ مِنَ الْحِجَارَةِ لَمَا يَتَفَجَّرُ مِنْهُ الْأَنْهَارُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا
 يَشَقُّ فَيَخْرُجُ مِنْهُ الْمَاءُ وَإِنَّ مِنْهَا لَمَا يَهْبِطُ مِنْ خَشْيَةِ اللَّهِ
 وَمَا اللَّهُ بِغَفِيلٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٧٤﴾

Maksud: Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi. Padahal antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya; dan ada pula antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya; dan ada juga antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah; sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan. (74)

(Surah al-Baqarah, 2: 74)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/304) berkata, dalam ayat ini Allah SWT berfirman mencemuh Bani Israil dan memberikan peringatan kepada mereka melalui tanda kebesaran Allah SWT tentang kemampuan-Nya

menghidupkan orang yang mati, semuanya itu mereka saksikan dengan mata kepala mereka sendiri. Tetapi ternyata mereka tetap keras hati untuk mengingkari. Hal ini disebutkan dalam firman-Nya:

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ

Maksud: *Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 74)

potongan ayat ini membawa erti bahawa sesudah semuanya itu ditunjukkan, justeru hati kamu menjadi keras seperti batu yang tidak pernah menjadi lembut selama-lamanya. Oleh kerana itu, Allah SWT melarang kaum Muslimin berperilaku seperti mereka, sebagaimana yang dinyatakan dalam firman-Nya:

الْمَرِيَّانَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ تَحْشَعَ قُلُوبُهُمْ لِدِكْرِ اللَّهِ
وَمَا نَزَلَ مِنَ الْحَقِّ وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلُ
فَطَالَ عَلَيْهِمُ الْأَمَدُ فَقَسَتْ قُلُوبُهُمْ وَكَثِيرٌ مِنْهُمْ فَاسِقُونَ ﴿١٦﴾

Maksud: *Belum sampaikah lagi masanya bagi orang yang beriman, untuk khusyuk hati mereka mematuhi peringatan dan pengajaran Allah serta mematuhi kebenaran (al-Quran) yang diturunkan (kepada mereka)? Dan janganlah pula mereka menjadi seperti orang yang diberikan Kitab sebelum mereka, setelah orang itu melalui masa yang lanjut maka hati mereka menjadi keras, dan banyak antaranya orang yang fasik - derhaka. (16).*

(Surah *al-Hadid*, 57: 16)

Sayyidina Ibn ‘Abbas diriwayatkan berkata bahawa ketika si terbunuh dipukul dengan salah satu anggota badan lembu betina tersebut, maka si terbunuh duduk, hidup kembali seperti semula. Lalu ditanyakan kepadanya, “Siapakah yang membunuhmu?” Ia menjawab, “Anak-anak saudaraku yang membunuhku,” kemudian ia mati semula. Selanjutnya anak-anak saudaranya ketika si terbunuh dicabut semula nyawanya oleh Allah SWT mereka menyatakan, “Demi Allah, kami tidak membunuhnya.” Mereka mendustakan perkara yang hak sesudah melihatnya dengan mata kepala mereka sendiri. Maka Allah SWT berfirman:

ثُمَّ قَسَتْ قُلُوبُكُمْ مِّنْ بَعْدِ ذَلِكَ

Maksud: *Kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 74)

Ayat ini ditujukan kepada anak-anak saudara si terbunuh. Dalam firman Allah SWT selanjutnya disebutkan pula:

فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً

Maksud: *Seperti batu, bahkan lebih keras lagi.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 74)

Maka sesudah berlalunya masa, jadilah hati kaum Bani Israil keras dan tidak mampu lagi lembut dengan nasihat dan pelajaran, sesudah mereka menyaksikan dengan mata kepala sendiri tanda kebesaran Allah SWT dan berbagai mukjizat. Kekerasan hati mereka sama dengan batu yang mustahil dapat menjadi lembut, bahkan lebih keras lagi dari batu. Hal ini kerana sesungguhnya antara bebatuan itu sendiri terdapat batu

yang dapat mengalirkan mata air darinya hingga membentuk sungai. Antara batu batan tersebut ada yang terbelah, lalu keluarlah mata air darinya, sekalipun tidak mengalir. Begitu juga antara batu batan tersebut ada yang meluncur jatuh dari atas bukit kerana takut kepada Allah. Semua hal ini menunjukkan bahawa benda mati pun mempunyai perasaan mengenai hal tersebut disesuaikan dengan keadaannya, seperti yang dijelaskan oleh ayat lain, iaitu firman-Nya:

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا
يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا
غَفُورًا

Maksud: *Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah; dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memuji-Nya; akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka. Sesungguhnya Ia adalah Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun. (44)*

(Surah *al-Isra'*, 17: 44)

Sayyidina Mujahid pernah menyatakan, “Setiap batu yang memancar darinya air atau terbelah mengeluarkan air, atau meluncur jatuh dari atas bukit, sungguh semua hal ini berlaku adalah kerana mereka takut kepada Allah SWT. Demikianlah menurut keterangan yang diturunkan oleh al-Quran.” Ibn ‘Abbas mengatakan ketika menghuraikan firman Allah SWT yang bermaksud, “*Padahal antara batu-batu itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya; dan ada pula antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya; dan ada juga antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah* (Surah

al-Baqarah, 2: 74), iaitu sesungguhnya antara batu-batu itu terdapat batu yang lebih lembut daripada hati manusia, keadaannya tidaklah seperti kebenaran yang kamu dakwakan itu. Sedang Allah tidak sekali-kali lalai daripada apa yang kamu kerjakan. (Surah *al-Baqarah*, 2: 74).

Abu 'Ali al-Jiba'i dalam kitab tafsirnya menyatakan tentang tafsir firman-Nya yang bermaksud, "*Dan ada juga antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah.* (Surah *al-Baqarah*, 2: 74)" Maksud ayat ini bahawa batu itu jatuh meluncur seperti jatuhnya salji dari awan. Namun menurut al-Qadi al-Baqilani yang didokong oleh Imam al-Razi bahawa takwil ini jauh dari kebenaran dan memang demikian kenyataannya jika dikaitkan dengan makna tersebut yang menyimpang dari lafaz tanpa dalil yang jelas, maka hal itu tidaklah dibenarkan.

Imam Ibn Abi Hatim (1998: 760, 761, 762) meriwayatkan athar daripada Yahya bin Abu Talib, iaitu Yahya bin Ya'qub tentang firman Allah SWT yang bermaksud, "*Padahal antara batu-batan itu ada yang terpancar dan mengalir air sungai daripadanya.* (Surah *al-Baqarah*, 2: 74) Ertinya, iaitu batu itu banyak menangis. *Dan ada pula antaranya yang pecah-pecah terbelah lalu keluar mata air daripadanya.* (Surah *al-Baqarah*, 2: 74) Makna yang dimaksud ialah sedikit menangis. *Dan ada juga antaranya yang jatuh ke bawah kerana takut kepada Allah* (Surah *al-Baqarah*, 2: 74), iaitu tangisan hati tanpa air mata.

Namun sebagian ulama menanggapi ayat ini termasuk ke dalam bab "majaz", iaitu menyandarkan khusyuk kepada batu-batuan, seperti halnya makna menyandarkan kehendak kepada dinding sebagaimana firman Allah SWT:

يُرِيدُ أَنْ يَنْقَضَ

Maksud: *Di situ sebuah tembok yang hendak runtuh.*

(Surah *al-Kahfi*, 18: 77)

Namun bagi Imam Al-Razi (1999: 3/557) dan Imam Al-Qurtubi (2003: 1/464) serta selain keduanya dalam kalangan para imam ahli tafsir menyatakan bahawa takwil seperti ini, iaitu dengan lafaz majaz tidak diperlukan, kerana sesungguhnya Allah SWT memang menciptakan watak tersebut ada pada diri batu dan lain-lain makhluk-Nya. Kenyataan seperti halnya yang disebutkan dalam ayat yang menyatakan langit, bumi, dan gunung enggan memikul amanah sebagaimana firman-Nya:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ
أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا

Maksud: *Sesungguhnya Kami kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya).*

(Surah *al-Ahzab*, 33: 72)

Dalam ayat yang lain, digambarkan langit dan bumi bertasbih kepada Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ

Maksud: *Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah..*

(Surah *al-Isra'*, 17: 44)

Juga terdapat kenyataan bahwa makhluk yang lebih khusus seperti bintang dan pokok juga digambarkan bersujud kepada Allah SWT. Firman-Nya:

وَالنَّجْمُ وَالشَّجَرُ يَسْجُدَانِ ﴿٦﴾

Maksud: *Dan tumbuh-tumbuhan yang melata serta pohon-pohon kayu-kayan, masing-masing tunduk menurut peraturan-Nya. (6)*

(Surah *al-Rahman*, 55: 6)

Dalam ayat yang lain menyatakan bahwa matahari, bulan, dan bumi digambarkan bergerak mengikut perintah Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَىٰ مَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ يَتَفَيَّؤُا ظِلَالُهُ

Maksud: *Tidakkah mereka melihat dan memikirkan segala yang dijadikan oleh Allah, yang beredar (berpindah-randah) bayang-bayangnya ke kanan dan ke kiri (pada pagi dan petang).*

(Surah *al-Nahl*, 16: 48)

Terdapat juga dalil daripada al-Quran yang menyatakan tentang langit dan bumi yang tunduk dan taat kepada perintah Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

قَالَتَا أَتَيْنَا طَائِعِينَ ﴿١١﴾

Maksud: *Keduanya menjawab, "Kami berdua sedia menurut - patuh dengan sukarela" (11)*

(Surah *Fussilat*, 41: 11)

Allah SWT juga menyebut bahawa gunung jika mereka menerima perintah al-Quran, maka mereka akan tunduk khushyuk untuk melaksanakan perintah al-Quran. Hal ini sebagaimana firman Allah SWT berikut:

لَوْ أَنْزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ

Maksud: *Sekiranya Kami turunkan al-Quran ini ke atas sebuah gunung.*

(Surah *al-Hasyr*, 59: 21)

Terdapat juga dalil al-Quran yang menunjukkan bahawa kulit manusia menjadi saksi terhadap pelakuan tuannya. Firman AllaH SWT:

وَقَالُوا الْجُلُودُ هُمْ لِمَ شَهِدْتُمْ عَلَيْنَا

Maksud: *Dan (setelah berlaku yang demikian), berkatalah mereka kepada kulit-kulit badan mereka, "Mengapa kamu menjadi saksi terhadap kami?"*

(Surah *Fussilat*, 41: 21)

Dalam sebuah hadis juga ada menggambarkan bagaimana gunung juga seperti manusia yang berkasih sayang. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis yang diriwayatkan oleh Sayyidina Anas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda (Al-Bukhari, 2001: 2889; Muslim, t.th.: 1365):

هَذَا جَبَلٌ يُحِبُّنَا وَنُحِبُّهُ.

Maksud: Gunung ini, (yaitu Gunung Uhud) adalah gunung yang mencintai kami dan kami mencintainya.

(Al-Bukhari dan Muslim)

Terdapat juga hadis lain yang menceritakan tentang rintihan dan tangisan batang pohon kurma ketika ditinggalkan oleh Nabi SAW, seperti yang dijelaskan dalam hadis yang mutawatir sebagaimana berikut (Al-Darimi, 2000: 32):

عَنْ بُرَيْدَةَ، قَالَ: كَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا خَطَبَ قَامَ فَأَطَالَ الْقِيَامَ، فَكَانَ يَشْتَقُّ عَلَيْهِ قِيَامُهُ، فَأُتِيَ بِجِدْعٍ نَخْلَةٍ فَحَفِرَ لَهُ، وَأَقِيمَ إِلَى جَنْبِهِ قَائِمًا لِلنَّبِيِّ ﷺ، فَكَانَ النَّبِيُّ ﷺ إِذَا خَطَبَ فَطَالَ الْقِيَامَ عَلَيْهِ، اسْتَدَدَ إِلَيْهِ، فَاتَّكَأَ عَلَيْهِ، فَبَصُرَ بِهِ رَجُلٌ كَانَ وَرَدَ الْمَدِينَةَ فَرَأَهُ قَائِمًا إِلَى جَنْبِ ذَلِكَ الْجِدْعِ، فَقَالَ لِمَنْ يَلِيهِ مِنَ النَّاسِ: لَوْ أَعْلَمُ أَنَّ مُحَمَّدًا يَحْمَدُنِي فِي شَيْءٍ يَرْفُقُ بِهِ، لَصَنَعْتُ لَهُ مَجْلِسًا يَقُومُ عَلَيْهِ، فَإِنْ شَاءَ جَلَسَ مَا شَاءَ، وَإِنْ شَاءَ قَامَ، فَبَلَغَ ذَلِكَ النَّبِيُّ ﷺ فَقَالَ: «اِئْتُونِي بِهِ» فَأَتَوْهُ بِهِ فَأَمَرَهُ أَنْ يَصْنَعَ لَهُ هَذِهِ الْمَرَاقِيَ الثَّلَاثَ أَوْ الْأَرْبَعَ - هِيَ الْآنَ فِي مَنْبَرِ الْمَدِينَةِ -، فَوَجَدَ النَّبِيُّ ﷺ فِي ذَلِكَ رَاحَةً فَلَمَّا فَارَقَ النَّبِيُّ ﷺ الْجِدْعَ وَعَمَدَ إِلَى هَذِهِ الَّتِي صُنِعَتْ لَهُ، "

جَزَعَ الْجِدْعُ، فَحَنَّ كَمَا تَحْنُ النَّاقَةُ حِينَ فَارَقَهُ النَّبِيُّ ﷺ. فَزَعَمَ
 ابْنُ بُرَيْدَةَ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ حِينَ سَمِعَ حَنِينَ الْجِدْعِ رَجَعَ
 إِلَيْهِ فَوَضَعَ يَدَهُ عَلَيْهِ، وَقَالَ: «اخْتَرْتُ أَنْ أُغْرِسَكَ فِي الْمَكَانِ الَّذِي
 كُنْتُ فِيهِ، فَتَكُونَ كَمَا كُنْتُ، وَإِنْ شِئْتُ أَنْ أُغْرِسَكَ فِي الْحِجَّةِ
 فَتَشْرَبَ مِنْ أَنْهَارِهَا وَعُيُونِهَا فَيَحْسَنَ نَبْتُكَ، وَتُشْمِرَ فَيَأْكُلُ أَوْلِيَاءُ
 اللَّهِ مِنْ ثَمَرَتِكَ وَمُخْلِكَ فَعَلْتُ» فَزَعَمَ أَنَّهُ سَمِعَ مِنَ النَّبِيِّ ﷺ
 وَهُوَ يَقُولُ لَهُ: «نَعَمْ قَدْ فَعَلْتُ مَرَّتَيْنِ». فَسَأَلَ النَّبِيُّ ﷺ فَقَالَ:
 «اخْتَارَ أَنْ أُغْرِسَهُ فِي الْحِجَّةِ.»

Maksud: Buraydah berkata, “Pada awal mulanya Nabi SAW apabila berkhotbah dengan berdiri, dan beliau lama sekali berdiri. Maka hal itu sangat memberatkan beliau. Kemudian didatangkan pelepah kurma, tanah dibuat kubangan, dan pohon kurma itu dicucukkannya ke bumi di samping Nabi SAW agar Baginda pergunakan saat berdiri. Jika nabi berkhotbah dan berdiri lama, Baginda bersandar pada batang kurma tersebut. Seorang lelaki yang baru datang ke Madinah melihat kejadian ini, iaitu Baginda sedang berdiri di samping batang kurma tersebut. Maka si lelaki itu menyampaikan perasaannya kepada orang di sekelilingnya, “Kalaulah saya tahu bahwa Muhammad akan memujiku kerana aku lakukan suatu hal yang meringankan bebannya nescaya aku membuatnya suatu tempat duduk yang dapat Baginda pergunakan untuk berdiri, apabila dia suka maka dia dapat duduk dan apabila dia suka dia boleh berdiri di tempat tersebut.” Lalu perihal tersebut disampaikan kepada Rasulullah SAW dan Baginda pun berkata, “Bawa orang tersebut ke hadapanku.” Lalu orang tersebut didatangkan dan diperintakkannya untuk membuatkan tangga yang memiliki tiga atau empat tangga seperti yang sekarang

ada pada mimbar Madinah. Rasulullah SAW merasa senang dengan hal itu. Tatkala Baginda meninggalkan batang pohon tersebut (yang dulu pernah digunakannya) dan bersandar pada mimbar yang dibuat untuknya, maka batang pohon kurma itu merasa sedih dan merintih sebagaimana rintihan unta tatkala Rasulullah SAW meninggalkannya. Ibn Buraydah berkeyakinan dari ayahnya bahawa Nabi SAW ketika mendengarkan rintihan batang kurma tersebut, Baginda kembali meletakkan tangan Baginda padanya dan berkata, "Pilihlah apakah kamu saya tanam kembali di tempat semula atau saya tanam (nanti) di syurga sehingga kamu dapat menghisap dari sungai dan mata airnya yang membuat pertumbuhan kamu menjadi baik dan berbuah, dan sehingga para wali Allah SWT dapat memakan buah kamu (kurma) maka saya akan melakukannya." Ayah Ibnu Buraidah berkeyakinan bahwa dia mendengar dari Nabi SAW, Baginda berkata kepada batang kurma tersebut, "Baik, kulakukan (Nabi mengulangi ucapannya dua kali." Lalu Nabi SAW di tanya dan Baginda menjawab, "Batang kurma tersebut memilih agar saya menanamnya di syurga nanti."

(Al-Darimi)

Demikian pula hadis yang menceritakan tentang batu batan di Mekah yang memberi salam kepada Rasulullah SAW sebelum baginda menjadi Rasul. Hadis tersebut menjelaskan (Muslim, t.th.: 2277):

عَنْ جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «إِنِّي لَأَعْرِفُ حَجْرًا بِمَكَّةَ كَانَ يُسَلِّمُ عَلَيَّ قَبْلَ أَنْ أُبْعَثَ إِنِّي لَأَعْرِفُهُ الْآنَ.»

Maksud: Jabir bin Samurah berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya aku mengetahui satu batu di Mekah yang memberi salam kepadaku sebelum aku diangkat menjadi Rasul. Sesungguhnya aku sekarang ini sangat mengenalinya."

(Muslim)

Terdapat juga dalil tentang batu Hajar al-Aswad pada hari kiamat kelak akan menjadi saksi yang membela orang yang pernah mengusapnya. Hal ini sebagaimana hadis berikut (Ahmad, 2001: 2215):

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "يَأْتِي هَذَا الْحَجَرُ
يَوْمَ الْقِيَامَةِ لَهُ عَيْنَانِ يُبْصِرُ بِهِمَا، وَلِسَانٌ يَنْطِقُ بِهِ، يَشْهَدُ
لِمَنِ اسْتَلَمَهُ بِحَقِّ."

Maksud: *Ibn 'Abbas berkata; Rasulullah SAW bersabda, "Pada hari kiamat batu al-Hajar (Aswad) ini akan datang dengan memiliki dua mata yang mampu melihat, lidah yang mampu berbicara yang akan bersaksi kepada siapapun yang beristilam (mencium atau menyentuh atau berisyarat)."*

(Ahmad)

Banyak lagi dalil daripada al-Quran dan hadis yang menunjukkan makhluk Allah SWT berupa batu, binatang dan lain-lain yang menunjukkan sifat mereka yang khusyuk beribadah kepada Allah SWT.

Imam Al-Qurtubi (2003: 1/464) mengetengahkan sebuah pendapat yang menyatakan bahawa huruf 'ataf (عطف) dalam ayat ini:

كَالْحِجَارَةِ أَوْ أَشَدُّ قَسْوَةً

Maksud: *Seperti batu, bahkan lebih keras lagi.*

(Surah al-Baqarah, 2: 74)

mengandung makna *takhyir*, iaitu pilihan. Contohnya dalam perkataan orang Arab:

جَالِسِ الْحَسَنِ أَوْ ابْنِ سِيرِينَ

Maksud: Duduklah dengan Hasan atau Ibn Sirin.

Demikian pula yang diriwayatkan oleh Imam Al-Razi (1999: 3/557) dalam kitab tafsirnya. Tetapi al-Razi menambahkan pendapat yang lain, iaitu yang menyatakan bahawa huruf ‘*ataf*’ yang ada dalam ayat ini menunjukkan makna *ibham* (إِبْهَامٌ) bila dihubungkan dengan *al-mukhatab* (الْمُخَاطَبِ), iaitu lawan bicara. Perihalnya sama dengan ucapan seseorang kepada lawan bicaranya, “*Kamu makan roti atau kurma,*” padahal si pembicara mengetahui mana yang dimakan oleh si lawan bicara.

Pendapat lain menyatakan bahawa huruf ‘*ataf*’ dalam ayat ini semakna dengan ucapan seseorang, “*Makanlah manis atau asam-asaman.*” Dengan kata lain, tidak dapat makan selain dari salah satu antara keduanya, iaitu hati kamu menjadi keras seperti batu atau lebih keras lagi daripada itu. Dengan kata lain, keadaan hati mereka tidak keluar dari salah satu antara kedua pengertian tersebut.

Para ulama bahasa Arab berbeda pendapat mengenai makna firman Allah SWT, “*Hati kamu juga menjadi keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi.* (Surah *al-Baqarah*, 2: 74)” sesudah adanya kesepakatan antara mereka bahawa mustahil huruf ‘*ataf*’ ini bermakna syak atau ragu. sebahagian dari mereka menyatakan bahawa huruf *aw* (أَوْ) dalam ayat ini bermakna sama dengan huruf *al-waw* (أَوَّ), iaitu bermakna ‘dan’. Bentuk lengkapnya adalah seperti berikut:

فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ وَأَشَدُّ قَسْوَةً

Maksud: Maka hati mereka keras seperti batu dan lebih keras lagi.

Makna ini sama dengan makna yang terkandung dalam ayat lain, iaitu firman Allah SWT:

وَلَا تَطْعَمْنَهُمْ إِيَّامًا أَتَوْكُم بِهَا مُتَبِئِينَ وَلَا تَتَّخِذُوا عَدُوَّنَا أَوْلِيَاءَ إِنَّمَا أُوتِوهُم بِغَيْرِ عِلْمٍ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْسِدُونَ

Maksud: *Dan janganlah engkau menurut kehendak orang yang berdosa antara mereka, atau orang yang kafur ingkar. (24)*

(Surah *al-Insan*, 76: 24)

Begitu juga dengan firman Allah SWT berikut:

عُذْرًا أَوْ نَذْرًا

Maksud: *Untuk menghapuskan kesalahan orang yang bertaubat serta memperbaiki keadaan dirinya, dan untuk menakutkan orang yang ingkar - derhaka; - (6)*

(Surah *al-Mursalat*, 77: 6)

Ulama lainnya menyatakan bahawa huruf *aw* (أَوْ) dalam ayat ini (Surah *al-Baqarah*, 2: 74) bermakna *bal* (بَلْ), iaitu 'bahkan'. Oleh itu bentuk lengkapnya ialah seperti berikut:

فَهِيَ كَالْحِجَارَةِ بَلْ أَشَدُّ قَسْوَةً

Maksud: *Maka hati mereka keras seperti batu, bahkan lebih keras lagi.*

Makna seperti ini juga sama dengan pengertian yang terkandung dalam firman Allah SWT dalam lain-lain ayat antaranya:

إِذَا فَرِيقٌ مِّنْهُمْ مَّخَشَوْنَ النَّاسَ كَخَشِيَةِ اللَّهِ أَوْ أَشَدَّ خَشِيَةً

Maksud: *Tiba-tiba sepuak antara mereka merasa gerun kepada manusia sama seperti mereka merasa gerun kepada (azab) Allah bahkan lebih gerun lagi.*

(Surah *al-Nisa'*, 4: 77)

Begitu juga makna apa yang terdapat dalam firman Allah SWT yang berikut:

وَأَرْسَلْنَاهُ إِلَىٰ مِائَةِ أَلْفٍ أَوْ يَزِيدُونَ ﴿١٤٧﴾

Maksud: *Dan (Nabi Yunus yang tersebut kisahnya itu) Kami utuskan kepada (kaumnya yang seramai) seratus ribu bahkan lebih. (147).*

(Surah *al-Shaffat*, 37: 147)

Juga yang terdapat dalam firman-Nya:

فَكَانَ قَابَ قَوْسَيْنِ أَوْ أَدْنَىٰ ﴿٩﴾

Maksud: *Sehingga menjadilah jarak (antaranya dengan Nabi Muhammad) sekadar dua hujung busaran panah, bahkan lebih dekat lagi; (9)*

(Surah *al-Najm*, 53: 9)

Sebagai rumusan, Imam Ibn Jarir (2001: 2/131) menyatakan bahawa makna *aw* (أَوْ) adalah menurut makna asalnya, iaitu 'atau' maka kemudian sesudah itu, hati kamu juga menjadi keras seperti batu atau lebih keras lagi yang biasa kamu lihat. Beliau juga mengulas

bahawa dalam kalangan ulama yang menyatakan bahawa makna yang dimaksud ialah *ibham*, iaitu menyamakan pengertian kepada orang yang dituju bicara sama seperti pengertian yang terdapat dalam perkataan Abu al-Aswad, iaitu:

أُحِبُّ مُحَمَّدًا حُبًّا شَدِيدًا * * * وَعَبَّاسًا وَحَمْزَةً وَالْوَصِيَّ
فَإِنْ يَكُ حُبِّهِمْ رَشْدًا أُصِيبُهُ * * * وَكَسْتُ بِمُخْطِئٍ إِنْ كَانَ عَيًّا

Maksud: *Aku cinta kepada Muhammad dengan kecintaan yang mendalam, juga (aku cinta kepada) Abbas, Hamzah, dan orang yang diwasiati (Ali). Maka apabila cinta kepada mereka dianggap sebagai jalan ke arah petunjuk, maka aku mencintainya dengan kecintaan yang mendalam. Dan tidaklah keliru bila cinta kepada mereka dianggap sebagai suatu kesesatan.*

Ibnu Jarir menyatakan, para ulama berpendapat bahawa Abu al-Aswad sama sekali tidak meragukan bahawa cinta kepada orang yang dia sebut namanya itu dianggap sebagai jalan menuju ke arah petunjuk, tetapi dia ungkapkan hal ini secara samar-samar terhadap lawan bicaranya.

Ibnu Jarir menyatakan pula bahawa disebutkan suatu riwayat dari Abu al-Aswad sendiri ketika dia menyatakan bait syair ini ada orang yang bertanya kepadanya, “Apakah engkau merasa ragu?” Maka ia menjawab, “Sama sekali tidak, demi Allah SWT.” Kemudian ia membantah keraguan tersebut dengan membacakan firman-Nya:

وَإِنَّا أَوْيَاءُكُمْ لَعَلَّاهُدَىٰ أَوْ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢٤﴾

Maksud: *Sama ada golongan kami ahli tauhid atau golongan kamu ahli syirik - (tidak sunyi daripada salah satu dari dua keadaan):*

keadaan tetapnya di atas hidayah petunjuk atau tenggelamnya dalam kesesatan yang jelas nyata ". (24)

(Surah Saba', 34: 24)

Dengan kata lain, dapat dikatakan bahawa orang yang diberitakan hal ini berada dalam keraguan, siapakah antara mereka yang mendapat petunjuk dan siapa pula yang sesat? Sebagian ulama menyatakan bahawa makna ayat ini ialah hati kamu tidak terlepas dari kedua perbandingan ini, iaitu adakalanya keras seperti batu dan adakalanya lebih keras lagi dari itu. Ibn Jarir menyatakan, berdasarkan takwil ini bererti makna yang dimaksud ialah bahawa sebahagian dari hati mereka ada yang keras seperti batu dan sebahagian yang lain ada yang lebih keras daripada batu. Pendapat inilah yang dinilai paling rajih dan kuat oleh Imam Ibn Jarir.

Sedangkan menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/306), beliau bersetuju dengan pendapat terakhir, iaitu dengan makna asal 'atau' kerana makna ini mirip dengan beberapa pengertian yang terkandung dalam firman Allah SWT yang yang mengkategorikan manusia dengan pelbagai kategori. Sebagai contoh Allah mengkategorikan orang munafik kepada dua jenis dengan firman-Nya ini sebagai yang kategori pertama:

مَثَلُهُمْ كَمَثَلِ الَّذِي اسْتَوْقَدَنَا رَا

Maksud: *Perbandingan hal mereka (golongan yang munafik itu) samalah seperti orang yang menyalakan api.*

(Surah al-Baqarah, 2: 17)

Allah SWT mengkategorikan golongan munafik yang kedua dengan firmanya pula:

أَوْ كَصَيْبٍ مِّنَ السَّمَاءِ

Maksud: *Atau (bandingannya) seperti (orang yang ditimpa) hujan lebat dari langit.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 19)

Selain itu, Allah SWT mengategorikan golongan kafir pula kepada dua kategori. Ayat berikut adalah kategori pertama golongan kafir:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا أَعْمَالُهُمْ كَسَرَابٍ بِقِيَعَةٍ

Maksud: *Dan orang yang kafir pula, amal mereka adalah umpama riak sinaran panas di tanah rata.*

(Surah *al-Nur*, 24: 39)

Manakala ayat berikut pula Allah SWT mengategorikan orang kafir dengan kategori yang kedua:

أَوْ كَظُلُمَاتٍ فِي بَحْرٍ لُّجِّيٍّ

Maksud: *Atau (orang kafir itu keadaannya) adalah umpama keadaan (orang yang di dalam) gelap-gelita di lautan yang dalam.*

(Surah *al-Nur*, 24: 40)

Hal yang sama juga al-Quran mengategorikan orang beriman seperti pengkategorian Bani Israil kepada dua golongan, iaitu yang hati keras seperti batu dan orang yang hatinya lebih keras daripada batu.

Tidak lupa juga bagi orang Islam, Rasulullah SAW mengkategorikan orang Islam kepada dua jenis manusia yang memiliki hati yang menjadi keras dan yang sudah keras (Al-Tirmidhi, 1998: 2411):

عَنِ ابْنِ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: "لَا تُكثِرُوا الْكَلَامَ
بِغَيْرِ ذِكْرِ اللَّهِ، فَإِنَّ كَثْرَةَ الْكَلَامِ بِغَيْرِ ذِكْرِ اللَّهِ قَسْوَةُ الْقَلْبِ،
وَإِنَّ أْبَعَدَ النَّاسِ مِنَ اللَّهِ الْقَلْبُ الْقَاسِي."

Maksud: *Ibn Umar, bahawa Rasulullah SAW pernah bersabda, "Janganlah kamu banyak bicara selain zikir kepada Allah, kerana sesungguhnya banyak bicara selain zikir kepada Allah SWT mengakibatkan hati menjadi keras. Sesungguhnya sejauh-jauh manusia dari Allah SWT ialah orang yang berhati keras.*

(Al-Tirmidhi)

Manakala hadis yang lain pula terdapat pengkategorian manusia kepada empat jenis manusia sebagaimana hadis berikut (Al-Bazzar, 2009: 6442):

عَنْ أَنَسٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: أَرْبَعَةٌ مِنَ الشَّقَاءِ: جُمُودُ
الْعَيْنِ وَقَسَاءُ الْقَلْبِ وَطُولُ الْأَمَلِ وَالْحِرْصُ عَلَى الدُّنْيَا.

Maksud: *Anas RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Ada empat pekerti yang menyebabkan kecelakaan, iaitu kerasnya mata (tidak pernah menangis kerana Allah), hati yang keras. panjang angan-angan, dan rakus terhadap keduniawian.*

(Al-Bazzar)

Terbukti setiap manusia mempunyai tahap yang berbeza antara satu sama lain. Perbezaan yang dibincangkan dalam ayat tafsiran tentang perbezaan hati golongan Bani Israil yang memiliki hati yang sama keras dengan batu pada satu golongan dan pada satu golongan yang lain pula hati mereka lebih keras daripada batu. Pengkategorian ini juga memungkinan setiap golongan mempunyai cara rawatan yang berbeza mengikut kategorinya. Oleh itu, tafsiran ini dianggap antara tafsiran yang paling tepat dan rajih.

PENGAJARAN AYAT

Terdapat beberapa pengajaran penting perbincangan tafsiran ayat, iaitu pengajaran dalam peristiwa penyembelihan lembu, pengajaran tentang kekuasaan Allah SWT untuk menghidup dan mematikan, dan pengajaran tentang sifat pelbagai jenis manusia.

PENGAJARAN DALAM PERISTIWA PENYEMBELIHAN LEMBU

Banyak pengajaran yang boleh diambil daripada peristiwa sembelihan lembu kepada umat Islam, iaitu:

Mukjizat Orang yang Mati Boleh Hidup Kembali

Umat Islam boleh mengambil pengajaran daripada peristiwa lembu ini tentang kekuasaan Allah SWT untuk menghidupkan orang yang mati. Kisah ini antara nikmat lain Allah SWT dalam bentuk mukjizat yang ditunjukkan kepada kaum Bani Israil, iaitu Allah SWT menyelesaikan kes pembunuhan salah seorang kaum Bani Israil (Ibn al-Kathir, 1999: 1/302; surah *al-Baqarah*, 2: 72-73) dan menunjukkan kekuasaannya untuk menghidupkan orang yang sudah mati untuk memperkukuhkan keimanan mereka kepada Nabi Musa AS dan agama Islam dengan syariatnya (surah *al-Baqarah*, 2: 72-73; Ibn al-Kathir, 1999: 1/293; Ibn Jarir, 2001: 1172).

Mukjizat al-Quran

Salah satu ciri mukjizat al-Quran ialah Allah SWT hanya memilih tentang kisah dalamnya dengan hanya memperhalusi pada bahagian yang sangat penting kepada umat manusia sahaja dan hanya membicarakan sesuatu kisah secara umum sahaja jika tidak ada tujuan

yang signifikan yang baik kepada umat manusia. Sebagai contoh dalam perbincangan ayat, Allah SWT menceritakan secara terperinci sifat lembu, tetapi tidak diperincikan anggota lembu yang mana digunakan untuk memukul mayat orang yang dibunuh (Ibn al-Kathir, 1999: 1/302).

Perintah Allah SWT adalah Mutlak Sekalipun Tidak Logik Pada Akal Manusia

Sesuatu perintah Allah SWT walaupun tidak logik pada pemikiran manusia (surah *al-Baqarah*, 2: 67; Ibn Jarir, 2001: 1172) tetap dianggap sebagai perintah yang bersifat mutlak, akan menyelesaikan masalah manusia, memberi kebaikan kepada manusia, dan memberikan pahala dan ganjaran (surah *al-Baqarah*, 2: 72-73).

Mengelakkan Bersikap Keras Kepala dan Degil Ketika Era Penurunan Wahyu

Sesuatu perintah Allah SWT sewaktu era penurunan wahyu tidak boleh dipertikai pada sesuatu pertikaian yang tidak perlu, dibantah, dan ditunjukkan sifat degil atau keras kepala sebagaimana yang dilakukan oleh kaum bani Israil dalam kes sembelihan lembu betina (surah *al-Baqarah*, 2: 68; Ibn Jarir, 2001: 1235; 1242). Hal ini kerana, setiap pertikaian terhadap perintah tersebut akan lebih menyukarkan umat untuk melaksanakan perintah tersebut jika diperincikan. Sebagai contoh perintah Allah SWT menyembelih seekor lembu lebih mudah dilaksanakan (Ibn al-Kathir, 1999: 1/295) berbanding dengan seekor lembu yang mempunyai ciri yang khusus dari segi warna, umur, jenis lembu, pekerjaan lembu, dan sifat khusus seseekor lembu sehinggakan mereka terpaksa membayar dengan harga yang sangat mahal untuk menyembelihnya (surah *al-Baqarah*, 2: 72-73; Ibn Jarir, 2001: 1235; 1242).

Asal Usul Hukum Tentang Pembunuh Tidak Boleh Mewarisi Harta

Kisah penyembelihan lembu betina ini merupakan sebab penting yang menjadi punca kenapa orang yang terlibat dalam kes pembunuhan tidak boleh mewarisi harta orang yang terbunuh dalam kalangan keluarga dan kerabat (Ibn Abi Hatim, 1998: 690).

Tipu Helah Kaum Bani Israil yang Wajar Diambil Pengajaran Buat Umat Manusia

Gambaran contoh tipu helah sebahagian daripada kaum Bani Israil yang sangat buruk untuk mendapat keuntungan dunia dengan jalan membunuh (surah *al-Baqarah*, 2: 67-74) untuk mendapat harta perwarisan (Ibn Jarir, 2001: 1172), ingin mengahwini anak orang yang dibunuh, dan ingin mendapat keuntungan daripada dengan sebab kematian (Ibn Abi Hatim, 1998: 690; Ibn Jarir, 2001: 1172). Qias yang sama yang berlaku kepada umat manusia kini yang dilakukan oleh kaum ini kepada umat manusia atau yang dilakukan oleh golongan fasiq yang tamakan harta dunia.

Selain itu, tipu helah kedua ialah kaum Bani Israil banyak bertanya dan membangkang tentang ciri lembu tersebut sebagai satu cara untuk melengah-lengahkan urusan penyembelihan disebabkan pada hakikatnya mereka tidak mahu melakukannya (surah *al-Baqarah*, 2: 71) disebabkan mereka takut terbongkar tentang siapa yang menjadi pembunuh (Ibn Jarir, 2001: 2/113).

Setiap Kebaikan dan Keburukan Akan Disingkap

Setiap kebaikan dan keburukan yang dilakukan oleh para hamba akan disingkap oleh Allah SWT sama ada di dunia lagi atau selewat-lewatnya di alam akhirat (Ibn Abi Hatim, 1998: 749).

Kepentingan Kalimah Insyallah dalam Segala Urusan

Betapa pentingnya kalimah istisna, iaitu ‘insyallah’ yang bererti ‘dengan izin Allah SWT’ dalam urusan yang melibatkan sesuatu yang akan berlaku. Di samping menguatkan tawakal manusia dan penyerahan pengharan kepada-Nya, ucapan ini juga menggambarkan bahawa Allah SWT akan menolong hamba yang mengucapkannya dalam urusan mereka (surah *al-Baqarah*, 2: 70; Ibn Jarir, 2001: 1242).

Kepentingan Berbakti kepada Ibu Bapa

Kepentingan seseorang itu berbakti kepada orang tua sehingga dimurahkan rezekinya dalam kehidupan. Tafsiran ayat menunjukkan bahawa lembu betina ini adalah pemilik kepada seorang pemuda yang sangat berbakti kepada bapanya (Ibn al-Kathir, 1999: 1/296).

Galakan Memakai Kasut Kulit Asli Berwarna Kuning

Galakan untuk memakai kasut dan alas kaki yang diperbuat daripada kulit yang berwarna kuning kerana mampu menyenangkan hati pemakainya (Al-Tabrani, 1994: 10612; Ibn Abi Hatim, 1998: 705; Al-Asbahani, 2004: 888; Ibn ‘Arabiy, 1997: 968).

Hukum Tentang Menggambarkan Sesuatu dan Hukum Pembuktian dalam Qisas

Terdapat dua hukum yang berkait dengan penggunaan gambaran ciri dan sifat sesuatu, iaitu dalam hukum jual beli salam, iaitu tempahan. Berdasarkan peristiwa pencirian lembu ini, hampir semua ulama fiqah Islam bersetuju bahawa transaksi tempahan boleh dilakukan dengan hanya menggambarkan ciri dan sifatnya sahaja (Ibn al-Kathir, 1999: 1/301).

Hukum kedua ialah pengharaman seorang Isteri menggambarkan tentang ciri dan sifat kecantikan wanita sehingga suaminya boleh membayangkan kecantikan wanita tersebut seperti melihat dengan mata kepala (Al-Bukhari, 2001: 5240).

Manakala hukum pembuktian dalam kes bunuh dan qisas dalam ayat ialah dibenarkan hakim untuk menerima pengakuan seseorang sekalipun berlaku seperti kes mukjizat dalam ayat. Dalam kes ini lebih kukuh kerana Allah SWT sendiri menyuruh kaum Bani Israil untuk melakukan upacara penyembelihan lembu agar anggota badan badan lembu boleh dipukul kepada mayat yang mati untuk dihidupkan kembali untuk menjelaskan siapakah pembunuhnya. Pengakuan mayat ini adalah kukuh bersabit dengan urusan kenabian dan perintah Allah SWT (Ibn al-Kathir, 1999: 1/303).

Dalam kes yang lain, seperti apa yang berlaku pada Zaman Rasulullah SAW, seorang wanita hamba dilukakan dengan batu. Rasulullah SAW bertanya kepadanya sebanyak tiga kali. Dua kali pertama beliau menafikan tuannya yang mencederakan, namun pada kali ketiga barulah hamba wanita itu mengaku. Pengakuan ini diterima oleh Rasulullah SAW dan Baginda SAW menjatuhkan hukuman qisas kepada lelaki Yahudi (Al-Bukhari, 2001: 6879; Muslim, t.th.: 1672). Para ulama bersetuju bahawa pengakuan seseorang boleh dijadikan bukti, namun bagi Imam Malik, wajar perlu ada pengakuan sumpah daripada orang lain yang melihat untuk mengukuhkan pembuktian.

PENGAJARAN TENTANG KEKUASAAN ALLAH SWT UNTUK MENGHIDUPKAN DAN MEMATIKAN

Umat manusia perlu mengetahui, memahami, dan menyedari bahawa kekuasaan Allah SWT terhadap manusia dan semua makhluk adalah tidak terbatas. Sebagaimana Allah SWT mampu mematikan manusia dengan mudah dalam pelbagai cara, begitulah juga Dia mampu dengan mudah menghidupkan kembali semua orang yang sudah mati tersebut. Terdapat gambaran dalil yang jelas kekuasaan Allah SWT dalam menghidup dan mematikan ini dalam surah al-Baqarah termasuk juga apa yang boleh dilihat dalam ayat perbincangan dan ayat yang lain, iaitu:

- (1) Allah SWT mampu menghidupkan seseorang yang mati disambar petir kerana ingin melihat Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 56).
- (2) Seseorang yang dibunuh dapat dihidupkan semula dengan perintah melakukan upacara sembelihan lembu dan memukulkan anggota lembu yang disembelih kepada mayat yang mati (surah *al-Baqarah*, 2: 73).
- (3) Kisah tentang penduduk kampung yang beribu-ribu jumlah lari daripada kampung mereka kerana takut mati. Semua penduduk ini dimatikan oleh Allah SWT dan kemudian dihidupkan kembali (Surah *al-Baqarah*, 2: 243).
- (4) Kisah seorang lelaki yang menunggang keldai dan membawa sebakul buah yang melihat kesan kemusnahan sebuah negeri dan berfikir tentang kemampuan Allah SWT membangunkan semula manusia dan kota tersebut. Allah SWT mematikannya dan keldainya selama 100 tahun. Kemudian Allah SWT membangkitkan terlebih dahulu dan menunjukkan bagaimana Allah SWT mencatumkan kembali tulang belulang keldainya yang sudah mati dan menghidupkan keldainya semula. Sedangkan buah yang dibawa tidak terusik selama 100 tahun tetap berada dalam keadaan yang segar dan tidak rosak (surah *al-Baqarah*, 2: 243).
- (5) Kisah Nabi Ibrahim yang ingin melihat kekuasaan Allah SWT dalam menghidupkan makhluknya yang sudah mati untuk menenangkan dirinya. Allah SWT memerintahkannya menyembelih empat jenis burung dan menghancurkan keempat-empatnya secara bercampur-baur. Burung yang hancur dan bercampur baur itu pula diletakkan secara berasingan di beberapa buah bukit. Kemudian Nabi Ibrahim diminta untuk memanggil kembali burung yang disembelih dan dihancurkan tersebut. Semua burung itu bercantum kembali dan hidup lalu terbang datang kepada Baginda Nabi Ibrahim AS (surah *al-Baqarah*, 2: 243).

Semua dalil-dalil ini menjadi bukti tentang kekuasaan Allah SWT yang bersifat mutlak dan tidak terbatas yang membuktikan bahawa

Allah SWT sememangnya sangat berkuasa untuk menghidup dan mematikan semua makhluknya. Bahkan perkara itu di sisi-Nya adalah terlalu mudah semudah perintahnya berfirman, “jadilah’, maka jadilah perkara yang diinginkan. Hal ini sebagaimana yang dilihat oleh manusia bahawa terdapat bumi yang kering kontang dan terdapat juga bumi yang subur. Allah SWT dengan kekuasaannya mampu menjadikan sesuatu tanah itu kering dan subur, begitulah juga Allah SWT mampu menjadikan sebagian orang mati dan hidup kembali (Ahmad, 2001: 16194, 19196; Surah *Yasin*, 36: 33-35).

Jenis Manusia

Umat manusia juga wajar memahami, menghayati, dan menyelidiki bahawa dalam kalangan manusia ini terdapat jenis-jenis manusia dan kategori mereka. Pengetahuan tentang kategori manusia ini membolehkan mereka bertindak dengan cara yang betul dalam rangka untuk bertindak terhadap golongan ini.

Golongan Muslim yang Hatinya seperti Batu dan yang Lebih keras daripada Batu

Contoh golongan ini seperti kaum Bani Israil yang sudah melihat kebenaran dan mukjizat di depan mata tentang mayat yang membuat pengakuan tentang siapa pembunuhnya, tetapi ahli keluarga yang dihukum mati tetap juga menafikan kebenaran tersebut bahkan ada yang menentang kebenaran tersebut dengan kata-kata penafian dan ketidakpercayaan mereka tentang kebenaran yang ditunjukkan. Mereka ini dikategorikan sebagai hatinya seperti batu. Sedangkan yang membangkan dan menentang Allah SWT dan Nabi-Nya dikategorikan hati mereka lebih keras daripada batu (Surah *al-Baqarah*, 2: 74).

Kias yang sama yang wujud dalam masyarakat manusia pada zaman Nabi Muhammad SAW. Ada dalam kalangan manusia yang sudah melihat kebenaran, tetapi hati mereka tetap tidak mahu beriman kepada Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Mereka dikategorikan

dengan hati batu. Sedangkan yang melihat kebenaran tersebut dengan api kemarahan dan melakukan penentangan terhadap kebenaran pula dikategorikan sebagai hati mereka lebih keras daripada batu.

Allah SWT sendiri memerintahkan kepada umat Islam untuk tidak bersikap seperti kaum Bani Israil tersebut supaya kecelakaan dan kebinaan mereka tidak tertimpa kepada umat Islam (surah *al-Hadid*, 57: 16). Oleh kerana itu, Nabi SAW sendiri mengingatkan kaum Muslimin agar memelihara hati mereka jangan sampai menjadi hati mereka seperti batu dengan sentiasa berzikir dan mengurangkan bercakap atau berkelahi antara sesama manusia. Hal ini kerana setiap percakapan yang buruk dan keji menjadikan hati menjadi keras. Ketika hati sudah menjadi keras, dia akan menjadi semakin jauh daripada Allah SWT (Al-Tirmidhi, 1998: 2411).

Untuk mengukur tahap hati seseorang itu keras atau tidak ialah dengan melihat adakah hati tersebut mampu menjadikan seseorang mengalirkan air mata kerana Allah SWT, adakah hati tersebut penuh dengan angan-angan, dan yang terakhir adakah hati tersebut bersifat tamak dan rakus dengan kesenangan dunia. Jika hati tersebut sudah sampai ke tahap ini, ini menunjukkan hatinya sudah mencapai tahap yang keras yang menjadikan dirinya terjauh daripada Allah SWT dan boleh menjerumuskan dirinya kepada kecelakaan kefasikan dan kekufuran (Al-Bazzar, 2009: 6442).

Golongan yang Beriman dan Golongan yang Kafir

Allah SWT menegaskan bahawa dia yang mencipta dan memilih dalam kalangan manusia bahawa adalah dalam kalangan manusia ini Muslim dan Mukmin serta ada pula yang dijadikan sebagai orang kafir (Surah Saba', 34: 24). Golongan Muslim dan Mukmin dijadikan agar mereka boleh mempertahankan keislaman dan meningkatkan keimanan agar terselemat daripada terjerumus kepada kekafiran. Sedangkan golongan kafir pula, mereka dituntut untuk melakukan kajian dan menanggapi kejadian alam untuk mencari kebenaran tentang Tuhan, Allah SWT,

dan Rasul yang diutus oleh Allah SWT, serta kitab-kitab yang diturunkan agar mereka boleh mendapat kebenaran dan menerima kebenaran tersebut.

Golongan Munafik dan Golongan Muslim yang ada Sifat Nifak

Dalam kalangan umat Islam sendiri terdapat golongan munafik, iaitu yang hanya Islam pada luarannya sahaja sedangkan hatinya adalah kafir secara total (Surah *al-Baqarah*, 2: 17). Terdapat juga dalam kalangan mereka yang Muslim, tetapi dalam hatinya pula ada sifat nifak, iaitu ragu-ragu tentang kebenaran Islam (Surah *al-Baqarah*, 2: 19). Oleh itu, umat Islam wajar memahami dan mengetahui ciri kedua-dua golongan ini agar dalam kalangan umat Islam tidak tercebur kepada salah satu daripada kedua-dua jenis. Hal ini kerana, dalam kalangan umat yang tergolong dalam golongan ini, mereka akan mendapat azab yang lebih pedih daripada golongan kafir yang mendapat azab di dalam neraka Allah SWT. Bagi yang sudah tercebur, peluang untuk bertaubat dan kembali menjadi Muslim dan Mukmin masih terbuka sehinggalah saat nyawa berada di tenggorok. Pada saat ini, taubat untuk kembali sudah tidak berguna lagi.

Golongan Kafir dan Kafir Murakkab

Allah SWT juga mengkategorikan golongan kafir kepada dua jenis kafir, iaitu kafir yang biasa (surah *al-Nur*, 24: 39) dan kafir yang bersifat jahil murakab (surah *al-Nur*, 24: 40). Umat Islam yang mengenali kedua-dua golongan ini boleh menentukan cara mana mereka berinteraksi dengan kedua-dua golongan sama ada dalam konteks dakwah dan konteks interaksi. Golongan yang pertama merupakan golongan yang tiada penentangan kepada Islam. Mereka boleh dibawa untuk berbicara tentang hakikat kebenaran, tetapi perlu diketahui hati mereka sememangnya tertutup kepada hakikat kebenaran. Sedangkan golongan kedua ini pula merupakan golongan yang menunjukkan penentangan kepada kebenaran Islam. Memahami kedua-dua golongan ini mampu

menjadikan umat Islam sedar tentang keselamatan agama dan diri mereka ketika berhadapan dengan dua jenis golongan ini.

Sifat Alam Selain daripada Manusia Adalah Sentiasa Beribadah dan Tunduk Khusyuk kepada Allah SWT

Umat manusia perlu ketahui, fahami, dan hayati tentang dalil daripada al-Quran bahawa semua makhluk Allah SWT di dunia ini selain daripada jin dan Manusia, mereka sentiasa dalam keadaan beribadah dan bersujud (surah *al-Rahman*, 55: 6), bertasbih (surah *al-Isra'*, 17: 44), serta tunduk khusyuk menurut perintah Allah SWT (surah *al-Nabl*, 16: 48; surah *Fussilat*, 41: 11) kerana sangat takut kepada Allah SWT (surah *al-Hasyr*, 59: 21).

Selain itu, alam ini juga mempunyai perasaan sebagaimana manusia seperti gunung Uhud yang menyayangi Nabi Muhammad dan para sahabat (Al-Bukhari, 2001: 2889; Muslim, t.th.: 1365); perasaan kecewa dan sedih sebagaimana rasa kecewa dan sedih batang pokok kurma yang ditinggalkan oleh Rasulullah SAW kerana sudah dibinakan mimbar untuk Baginda SAW untuk berkhotbah (Al-Darimi, 2000: 32); batu di Mekah yang cintakan Rasulullah SAW dan memberi salam kepada baginda SAW (Muslim, t.th.: 2277); Batu Hajar Aswad yang menjadi saksi dan membela orang yang mengusapnya serta yang beristilam kepadanya di akhirat (Ahmad, 2001: 2215). Begitu juga kulit manusia akan menjawab semua pertanyaan Allah SWT yang ditanyakan kepada mereka sebagai bukti dan saksi bagi pihak-Nya terhadap kelakuan dan tindakan manusia sama ada yang baik atau buruk (Surah *Fussilat*, 41: 21).

Perbezaan alam dengan manusia dan jin ialah dari segi alam akan binasa dan tidak akan dibalas. Mereka dijadikan semangnya sentiasa beribadah dan taat serta tidak dibebankan dengan tanggungjawab mencari rezeki dan juga tidak dibebankan dengan ujian kehidupan. Mereka diberikan rezeki untuk terus hidup daripada ketaatan dan tasbih mereka. Sedangkan manusia dan jin sebaliknya. Mereka diuji

dalam tempoh tertentu di dunia dan diberikan tanggungjawab mengikut tahap tanggungjawab masing-masing. Tujuan diuji ini pula adalah untuk melihat sejauh mana setiap jin dan manusia ini dapat mengenal Allah SWT melalui tanda kejadian alam dan beribadah kepadanya. Selain itu, mereka juga diuji untuk melaksanakan tanggungjawab mereka dengan cara yang sebaik-baiknya mengikut bahagian mana yang mereka dipertanggungjawab. Ada yang diberikan tanggungjawab yang ringan dan ada yang diberikan tanggungjawab dan amanah yang berat. Mereka yang berjaya menempuh tempoh ujian tersebut akan dimasukkan ke dalam syurga. Manakala yang gagal akan dimasukkan ke dalam neraka. Oleh kerana itulah, pernah langit dan bumi serta gunung ditawarkan untuk diuji seperti manusia agar untuk memikul amanah dan tanggungjawab agar kelak mereka boleh mendapat balasan syurga atau neraka. Semua makhluk ini menolak, tetapi sebaliknya manusia pula sanggup untuk menerimanya (Surah *al-Ahzab*, 33: 72).

RUMUSAN

Buku ini sudah berjaya mengupas empat potong ayat yang dibincangkan dalam buku adalah terdiri daripada surah *al-Baqarah* (2: 67), surah *al-Baqarah* (2: 68-71), surah *al-Baqarah* (2: 72-73), dan surah *al-Baqarah* (2: 74). Pada bahagian akhir buku juga dibincangkan empat pengajaran penting ayat yang terdiri daripada pengajaran dalam peristiwa penyembelihan lembu, pengajaran tentang kekuasaan Allah SWT untuk menghidup dan mematikan, dan pengajaran tentang sifat pelbagai jenis manusia.

RUJUKAN

- Ahmad, Muhammad Hambal. 2001. *Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal*. Shu'ay al-Arna'ut & 'Adil Murshid (Ed.). Al-Qahirah: Mu'assah al-Risalah.
- Al-Asbahani, Ahmad Muhammad. 2004. *Al-Tuyuriyyat*. Dasman Yahya Ma'ali & 'Abbas Sakhr al-Hasan (Ed.). Jld. 1-4. Riyad: Maktabah Adwa' al-Salaf.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Darimi, 'Abdullah. 2000. *Sunan al-Darimi*. Hussain Salim Asad Al-Darani (Ed.). Jld. 1-4. Al-Mamlakat al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar al-Mugni li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Qurtubi, Muhammad Ahmad. 2003. *Jami' bayan al-'ilm wa Fadlihi*. Hisyam Samir al-Bukhari (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar 'Alim al-Kutub.
- Al-Razi, Muhammad 'Umar. 1999. *Mafatih al-Ghayb - al-Tafsir al-Kabir*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Araby.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.

- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Arabiy, Ahmad. 1997. *Mu'jam Ibn 'Arabiy*. 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim bin Ahmad al-Hussayn (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Sa'udiyah: Dar Ibn al-Jawzy.
- Ibn Abi Hatim, 'Abdul Rahman. 1998. *Tafsir al-Quran al-'Azim li bin Abi Hatim*. As'ad Muhammad al-Tayyib (Ed.). Al-Mamlakah al-'Arabiyah al-Sa'udiyah: Maktabah Nizar Mustafa al-Bazz.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 17 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 1 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Jld. 13. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)*. Jld. 12. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

INDEKS

- Ahmad*, 29, 38, 39, 52, 67,
70, 73, 74
- al-Ahزاب*, 46, 71
- al-Asbahani*, 22
- al-Baqarah*, 3, 4, 6, 7, 8, 9,
11, 13, 14, 17, 19, 21, 22,
24, 25, 26, 27, 28, 30, 31,
32, 34, 35, 36, 37, 38, 41,
42, 43, 45, 53, 54, 55, 58,
61, 62, 63, 64, 65, 66, 67,
69, 72, 74
- Al-Bazzar*, 59, 60, 68, 73
- Al-Bukhari*, 29, 31, 40, 49,
64, 65, 70, 73
- Al-Darimi*, 49, 51, 70, 73
- al-Hadid*, 42, 68
- al-Hasyr*, 48, 70
- al-Insan*, 54
- al-Isra'*, 44, 46, 70
- al-Kahfi*, 45
- Allah SWT, 1, 4, 6, 7, 9, 11,
13, 15, 17, 19, 20, 21, 23,
24, 25, 26, 27, 29, 30, 31,
32, 34, 35, 36, 37, 39, 41,
42, 43, 44, 45, 46, 47, 48,
51, 52, 53, 54, 55, 57, 58,
59, 61, 62, 63, 64, 65, 66,
67, 68, 69, 70, 71, 72
- al-Mursalat*, 54
- al-Nahl*, 47, 70
- al-Najm*, 56
- al-Nisa'*, 55
- al-Nur*, 58, 59, 69
- al-Rahman*, 27, 28, 30, 31,
33, 34, 47, 70, 73, 74
- al-Shaffat*, 55
- Al-Tabrani*, 22, 64, 73
- Al-Tirmidhi*, 59, 68, 74
- babi, 1
- Bani Israil, 1, 4, 6, 7, 10, 11,
14, 15, 16, 17, 19, 20, 24,
25, 28, 33, 34, 41, 43, 59,
60, 61, 63, 65, 67, 68, 74
- batu, 3, 40, 41, 42, 43, 44, 45,
46, 51, 52, 53, 54, 55, 56,
57, 59, 60, 65, 67, 68, 70
- disumpah, 1
- Fussilat*, 48, 70
- hati, 3, 41, 42, 43, 45, 53, 54,
55, 56, 57, 59, 60, 64, 67,
68, 69
- Ibn 'Arabi*, 22, 64, 74

Ibn Abi Hatim, 5, 7, 22, 24,
 25, 31, 32, 45, 63, 64, 74
Ibn Jarir, 7, 10, 19, 20, 29,
 56, 57, 61, 62, 63, 64, 74
 Islam, 78
istisna, 9, 20, 25, 64
 kera, 1
 lembu, 1, 2, 4, 5, 6, 7, 8, 9,
 10, 11, 13, 15, 17, 18, 19,
 20, 21, 22, 23, 24, 25, 27,
 28, 29, 30, 32, 33, 34, 35,
 43, 61, 62, 63, 64, 65, 66,
 72

lembu betina, 2, 4, 5, 6, 7, 8,
 9, 10, 11, 13, 15, 17, 18,
 19, 20, 21, 22, 23, 24, 25,
 27, 28, 29, 30, 32, 33, 34,
 43, 62, 63, 64
 mata air, 3, 41, 44, 45
Muslim, 40, 49, 51, 52, 65,
 67, 68, 69, 70, 74, 78
 Nabi Musa AS, 2, 4, 6, 7, 8, 9,
 10, 11, 12, 13, 14, 15, 17,
 18, 24, 25, 34, 61
Saba', 57, 68
 syaitan, 10
Yasin, 39, 67

BIODATA

Kamarul Azmi bin Jasmi menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran
Siri 15
Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT
Surah al-Baqarah (2: 83-86)

Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT, Surah al-Baqarah (2: 83-86), Siri 15 merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Allah SWT menyingkap tujuh perjanjiannya dengan Kaum Bani Israil dan menggambarkan bagaimana kaum itu gagal untuk melaksanakannya padahal mereka sudah berikrar untuk mentaati perjanjian tersebut. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah *al-Baqarah* (2: 83-86) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat dua pengajarnya penting yang boleh diambil pengajaran oleh umat Islam dan umat Manusia, iaitu pengajaran daripada elemen perjanjian antara Bani Israil dengan Allah SWT dan pengajaran daripada kegagalan kaum Yahudi ini untuk mengikuti perjanjian dalam beberapa kisah yang berlaku sama di Madinah dan di tempat lain.



ISBN 978-967-2171-83-6

